

**UPACARA PERALIHAN (*rites of passage*) MASYARAKAT BABA
NYONYA DI PULAU PINANG**

SITI SOLEHAH BINTI AZIZAN

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**UPACARA PERALIHAN (*rites of passage*) MASYARAKAT BABA
NYONYA DI PULAU PINANG**

Oleh:

SITI SOLEHAH BINTI AZIZAN

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

SEKATAN

☐

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



SITI SOLEHAH BINTI AZIZAN

Tarikh: 26/2/2025

Tandatangan Penyelia Utama

Dr. Ainal Wahida binti Radzuan

Senior Lecturer

Department of Heritage Studies

Faculty of Creative Technology and Heritage

Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

16300, Kelantan, Malaysia

DR, AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN

Tarikh: 26/2/2025

Nota * Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab- sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Bismillah hirrahman nirrahim,

Alhamdulillah, ucapan Syukur dipanjatkan kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya saya telah menyelesaikan projek penyelidikan saya iaitu “Upacara Peralihan (*Rites of Passage*) Masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang” ini mengikut ketetapan masa yang telah diberikan. Sekalung budi, sejambak kasih diucapkan kepada Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan selaku pembimbing kerana tidak pernah berputus asa dalam memberikan bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya sepanjang proses penghasilan kajian ini dijalankan. Tanpa bantuan, usaha dan kesabaran beliau dalam mendidik, saya tidak mungkin akan dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, ahli keluarga dan sahabat seperjuangan di atas segala sokongan, dorongan dan semangat yang telah mereka berikan kepada saya sepanjang proses penghasilan tesis saya ini. Dengan berkat doa mereka telah membuatkan saya terus kuat dan bangkit dalam menyiapkan tugas ini walaupun terdapat beberapa masalah serta cabaran yang datang sepanjang perjuang saya dalam menyiapkan tesis ini. Sokongan dan dorongan daripada mereka telah membantu saya dan sesungguhnya saya hanya mampu mengucapkan ‘terima kasih’ walaupun saya sedar bahawa saya tidak mampu membalas jasa baik mereka selama ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat Baba Micheal Cheah yang sudi menyumbang pelbagai jenis maklumat serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung telah membantu saya dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Bantuan dan dorongan yang saya terima adalah berharga bagi saya. Akhir sekali, saya berharap agar kajian say ini dapat membantu ramai pihak dalam menimba ilmu baharu.

UPACARA PERALIHAN (*rites of passage*) MASYARAKAT BAB NYONYA DI PULAU PINANG

ABSTRAK

Upacara peralihan (*rites of passage*) merupakan sebuah amalan atau adat yang penting bagi masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang dalam usaha mengekalkan identiti dan warisan kebudayaan tidak ketara mereka. Upacara ini merangkumi pelbagai peristiwa penting dalam kehidupan seseorang individu dalam masyarakat Baba Nyonya seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian yang dipengaruhi oleh gabungan budaya Cina dan Melayu. Namun, amalan dalam upacara peralihan kurang diketahui oleh generasi muda masyarakat Bab Nyonya. Justeru, kajian ini dijalankan untuk memahami dengan lebih mendalam simbolisme dan adat resam dalam upacara peralihan. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu: mengenal pasti ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan, mengkaji penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan dan menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya. Kajian ini menggunakan kaedah campuran melalui sesi temu bual, pemerhatian dan borang soal selidik. Seorang informan utama telah ditemu bual dan seramai 180 orang responden menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara rawak. Data daripada hasil kajian dianalisis menggunakan analisis tematik dan deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa, walaupun terdapat usaha untuk mengekalkan tradisi asal masyarakat ini, beberapa aspek daripada upacara ini telah mengalami penyesuaian bagi menyesuaikan upacara ini selari dengan peredaran zaman. Kajian ini memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan upacara peralihan dalam mengekalkan jati diri dan identiti masyarakat Baba Nyonya khususnya di Pulau Pinang dalam memastikan kelangsungan warisan budaya tidak ketara.

Kata kunci: Upacara peralihan, Baba Nyonya, Warisan tidak ketara, adat resam, Pulau Pinang, identiti budaya.

rites of passage of the baba nyonya community in penang

ABSTRACT

Rites of passage are significant customs and traditions within the Baba Nyonya community in Penang, serving to preserve their identity and intangible cultural heritage. These rites encompass key life events such as birth, marriage, and death, influenced by a fusion of Chinese and Malay cultural elements. However, awareness and practice of these rites among the younger generation of the Baba Nyonya community are declining. Therefore, this study aims to gain a deeper understanding of the symbolism and customs associated with these rites of passage. This study has three main objectives: to identify the key rituals performed in rites of passage, to examine the younger generation's acceptance of these rituals, and to analyse the necessary measures for preserving these rites within the Baba Nyonya community. A mixed-methods approach was employed, incorporating interviews, observations, and questionnaires. One key informant was interviewed, while 180 respondents participated in a randomly distributed survey. Data collected from the study were analysed using thematic and descriptive analysis. The findings indicate that while efforts are being made to preserve original traditions, certain aspects of the rites have been adapted to align with modern times. This study provides deeper insights into the significance of rites of passage in maintaining the cultural identity and heritage of the Baba Nyonya community in Penang, ensuring the continuity of their intangible cultural heritage.

Keywords: Rites of passage, Baba Nyonya, Intangible heritage, Customs, Penang, Cultural identity.

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK	III
ABSTRACT	IV
SENARAI RAJAH	VIII
SENARAI JADUAL	IX

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1	2
1.2 Persoalan Kajian.....	6
1.3 Objektif Kajian.....	6
1.4 Skop Kajian.....	7
1.5 Signifikasi Kajian.....	9
1.6 Lokasi Kajian	10
1.7 Peta Kajian.....	12
1.8 Struktur Projek Penyelidikan	14

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	15
2.1 Warisan Tidak Ketara.....	15
2.2 Adat	17
2.3 Kepercayaan.....	18
2.4 Ritual	19
2.5 Upacara Peralihan / <i>Rites of Passage</i>	20
2.6 Baba Nyonya.....	22
2.6.1 Asimilasi dan Adaptasi.....	22
2.6.2 Bahasa	23
2.6.3 Makanan	23
2.6.4 Kraftangan, pakaian, aksesori.....	24
2.6.5 Ritual	25
2.6.6 Adat	26

2.7 Teori Interaksi Simbolik	27
2.8 Kesimpulan	28
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendekatan Kajian	29
3.2 Reka Bentuk Penyelidikan – Kajian Kes	29
3.3 Kaedah Penyelidikan	29
3.3.1 Kaedah Kualitatif	30
3.3.2 Kaedah Kuantitatif – Survei	30
3.4 Pensampelan Penyelidikan – Bertujuan dan Pensampelan Rawak Mudah	30
3.4.1 Pensampelan Bertujuan	30
3.4.2 Pensampelan Rawak Mudah	31
3.5 Pengumpulan Data	32
3.6 Analisis Data – Analisis Tematik dan Deskriptif	32
3.7 Kesimpulan	34
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	35
4.1 Sejarah Perdagangan Baba Nyonya	36
4.2 Jenis Upacara Peralihan	38
4.2.1 Upacara Perkahwinan	38
4.2.2 Upacara <i>Mua Guek</i>	41
4.2.3 Upacara Kematian	44
4.3 Pandangan Generasi Muda Berkaitan Upacara Peralihan (<i>Rites of Passage</i>) Etnik Baba Nyonya	46
4.3.1 Demografi Responden	46
4.3.2 Penerimaan Generasi Muda Terhadap Upacara Peralihan (<i>Rites of Passage</i>)	49
4.3.3 Pendapat Generasi Muda Mengenai Upacara Peralihan di Pulau Pinang	55
4.4 Langkah-langkah Melestarikan Ritual dalam Upacara Peralihan Masyarakat Baba Nyonya ...	61
4.5 Perubahan dalam Perlaksanaan Ritual	64
4.6 Signifikasi Ritual Upacara Peralihan	67
4.7 Analisis Teori	68
4.8 Penutup	70

BAB 5: KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	71
5.1 Rumusan Bab	71
5.1.1 Rumusan Bab Satu	72
5.1.2 Rumusan Bab Dua.....	72
5.1.3 Rumusan Bab Tiga.....	73
5.1.4 Rumusan Bab Empat.....	73
5.2 Dapatan Utama	74
5.3 Cadangan Kajian	74
5.3.1 Kajian Lanjut	75
5.3.2 Usaha Pemuliharaan Yang Sistematis	75
RUJUKAN.....	76

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1: Menunjukkan sekitar kawasan persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang di George Town, Pulau Pinang	12
Rajah 1.2 Menunjukkan bangunan-bangunan lain yang berdekatan dengan bangunan Persatuan Peranakan Cina di George Town, Pulau Pinang.	13
Rajah 3.1 Proses analisis tematik daripada transkrip temu bual	33
Rajah 3.2 Proses analisis daripada boring soal selidik	34
Rajah 4.2 Gambar pakaian pengantin lelaki dan perempuan pada hari pertama perkahwinan.	43
Rajah 4.3 Kain batik hijau dan biru yang dipakai semasa tahun kedua dan ketiga kematian berlaku dalam keluarga Baba Nyonya.	45
Rajah 4.4 Peta minda teori interaksi simbolik	69

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 3.1 Maklumat Informan	32
Jadual 4.1 Senarai bahan yang digunakan semasa sambutan <i>Mua Guek</i> dan makna simbolik	39
Jadual 4.2. Jantina responden	46
Jadual 4.3. Umur responden	47
Jadual 4.4. Pekerjaan responden	48
Jadual 4.5. Pengetahuan mengenai upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya	49
Jadual 4.6. Penglibatan diri dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya	50
Jadual 4.7. Kekerapan penglibatan dalam upacara peralihan	
Jadual 4.8. Kefahaman tentang maksud dan tujuan upacara peralihan etnik Baba Nyonya	52
Jadual 4.9 Penerimaan dan amalan nilai-nilai yang disampaikan melalui upacara peralihan generasi muda masyarakat Baba Nyonya	53

Jadual 4.10 Keperluan perlaksanaan usaha promosi dan pelestarian upacara peralihan Baba Nyonya dalam kalangan generasi muda	54
Jadual 4.11 Soalan mengenai pendapat generasi muda masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang	55
Jadual 4.12 Pendapat generasi muda tentang peranan pendidikan dan penghargaan warisan dalam konteks upacara peralihan	58

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Upacara peralihan atau '*rites of passage*' adalah upacara yang menandakan peralihan status agama atau sosial seseorang. Upacara ini wujud dalam semua Kumpulan sosial dan terkenal dengan kepentingan Sejarah, budaya, dan psikologi yang hebat. Upacara peralihan melibatkan tiga peringkat utama: perpisahan, perubahan, dan pengembalian semula. Upacara ini melambangkan pergerakan seseorang individu daripada peranan lama kepada peranan Baharu dalam masyarakat. Peranan upacara peralihan adalah untuk memudahkan kelancaran peralihan seseorang antara peranan sosial tanpa gangguan. Ritual peralihan boleh dikaitkan dengan peristiwa penting seperti kelahiran, kematangan usia, dan kematian, atau peralihan budaya seperti permulaan ke dalam Masyarakat tertentu. Transformasi budaya dan sosial yang diraikan melalui upacara ini dianggap buatan manusia dari aspek sosiobudaya dan bukannya dari aspek biologi manusia (Britannica, 2024). Contoh upacara peralihan ialah "Quinceañera" dalam budaya Hispanik, perayaan ulang tahun ke-15 seorang gadis dan "Seijin-no-Hi" dalam budaya Jepun, upacara untuk belia yang berumur 20 tahun.

Dalam kehidupan bermasyarakat, terdapat pelbagai jenis ritual yang dikaitkan dengan amalan upacara peralihan. Kepelbagaian ritual yang dijalankan adalah disebabkan wujudnya kepelbagaian budaya yang diamalkan oleh kelompok masyarakat lain. Upacara peralihan juga wujud dan masih diamalkan di Malaysia. Upacara ini juga dijadikan sebagai warisan kepada masyarakat global. Bukan itu sahaja, malah kepelbagaian upacara peralihan juga dapat dilihat kerana kepelbagaiannya kerana upacara ini berasal daripada pelbagai latar belakang masyarakat.

Warisan ialah apa yang diwarisi oleh generasi sekarang daripada generasi terdahulu. Ia juga boleh menggambarkan memori tentang kehidupan sesuatu bangsa atau negara secara keseluruhan dan melambangkan sesebuah tamadun. Terdapat dua kategori warisan: warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara ialah satu bentuk warisan yang boleh dilihat dan disentuh secara fizikal. Warisan jenis ini merangkumi aspek tapak bersejarah, warisan semula jadi (hutan

hujan tropika, taman laut), dan bangunan yang mempunyai nilai sejarah tersendiri. Manakala warisan tidak ketara merujuk kepada unsur-unsur warisan budaya yang tidak wujud dalam bentuk fizikal tetapi mempunyai nilai penting dalam budaya sesebuah masyarakat, ini termasuklah amalan, perwakilan dan ekspresi budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Warisan ini boleh merangkumi aspek seperti tradisi lisan, tarian, muzik, dan permainan tradisional, serta ilmu dan kepercayaan yang diwarisi (Kementerian Perhubungan Malaysia, 2019). Warisan tidak ketara merupakan bahagian penting dalam sesebuah masyarakat dan memainkan peranan dalam mewujudkan kestabilan sosial serta mengukuhkan kesedaran tentang warisan budaya.

Masyarakat Baba Nyonya mempunyai akar yang kuat dalam masyarakat Cina yang menetap di negeri-negeri Selat. Perkahwinan campur dengan orang Melayu menghasilkan gabungan budaya yang unik antara Cina dan Melayu (Kilik, 2014). Istilah peranakan merujuk kepada individu berketurunan Cina yang bercampur dengan budaya Melayu. Dalam masyarakat peranakan, lelaki dikenali sebagai Baba, manakala Wanita dipanggil Nyonya. Istilah Nyonya berasal daripada perkataan Portugis *dona*, yang bermaksud Wanita atau gadis. Manakala, istilah Baba pula dipinjam daripada Bahasa Hindu, di mana ia menunjukkan bapa, lelaki dewasa, atau tuan besar (Ching, 2014)

1.1 Permasalahan kajian

Upacara peralihan telah menjadi aspek asas pendidikan, interaksi sosial, dan kerohanian dalam hampir semua tamadun manusia, terutamanya dalam masyarakat yang membentuk sebahagian besar sejarah manusia. Trajektori lengkap kewujudan individu, bermula dari lahir, kanak-kanak, usia tua, dan akhirnya kematian, dicirikan oleh urutan upacara penting yang tertanam dalam kehidupan setiap orang (Frey, 2000). Masyarakat Baba Nyonya tidak terkecuali kerana masyarakat ini masih mengamalkan upacara peralihan yang diwarisi oleh nenek moyang mereka.

Konsep upacara peralihan wujud sebagai usaha untuk memahami peristiwa ritual yang menandakan peralihan sosial yang dilalui oleh individu semasa mereka melalui fasa kehidupan. Pelbagai tamadun menggunakan kepercayaan agama mereka untuk menjelaskan tempoh peralihan status ini dan untuk menganjurkan ritual mengikut amalan agama masing-masing. Konsep upacara

peralihan berasal daripada pemeriksaan masyarakat praliterasi dan suku; pada masa yang sama, ia telah digunakan secara meluas dalam konteks sosial yang lain dan diamalkan oleh masyarakat moden hari ini. Populariti idea itu kadangkala menyebabkan penggunaan ritual ini dianggap tidak sesuai, kerana ia menekankan keperluan untuk memahami asal usul ritual dan menentukan cara paling berkesan untuk mengubah suai dan melaksanakannya dalam masyarakat kontemporari hari ini (Holm dan Bowker, 1994).

Isu utama yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kegagalan menjalankan upacara peralihan sehingga membawa kepada kemerosotan masyarakat. Seperti yang dinyatakan oleh Blumenkrantz (2016), ketiadaan upacara peralihan menghalang pertumbuhan peribadi, terutamanya dalam perkembangan kanak-kanak dan remaja telah menimbulkan kebimbangan kesihatan global yang ketara. Perkembangan kanak-kanak dan remaja merupakan aspek penting dalam kewujudan sosial, para pendidik dan masyarakat sekeliling mempunyai peranan penting dalam menentukan pendekatan yang sesuai dalam membantu pembangunan belia. Pendekatan-pendekatan ini haruslah berpandukan kepada upacara-upacara amalan upacara peralihan yang sering diamalkan sepanjang sejarah manusia. Para saintis sosial, aktivis dan penyelidik hendaklah mempromosikan upacara peralihan kepada kumpulan belia sebagai satu usaha untuk mengekalkan identity budaya dalam diri belia dan keluarga masa kini. Dengan berbuat demikian, dapatlah belia dan keluarga masa kini faham akan kepentingan komuniti kepada masyarakat (Blumenkrantz & Wasserman, 1998). Ini membuktikan bahawa dalam konteks masyarakat Baba Nyonya, pelaksanaan upacara peralihan ini masih relevan dalam masyarakat ini dan wajar dijalankan oleh generasi masa kini agar pembangunan kematangan seseorang terjamin

Masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang kini kurang mengamalkan upacara peralihan penuh seperti upacara perkahwinan dan kematian mengikut amalan mereka sebelum ini. Kini, mereka kelihatan lebih selesa menjalankan upacara ini mengikut amalan dan kepercayaan baharu yang mereka anuti. Walau bagaimanapun, Grimes (2000) berpendapat, sebagai masyarakat, kita harus menghormati ritual yang tidak lagi diamalkan. Ini kerana dengan mengkaji ritual yang tidak lagi diamalkan ini dapat memberikan perspektif yang berharga, lebih-lebih lagi apabila kita memahami sebab di sebalik kematian ritual tersebut.

Kematian sesuatu adat dalam upacara peralihan ini disebabkan oleh kurangnya minat dalam masyarakat itu sendiri. Untuk mengekalkan kesinambungan adat atau ritual, pihak berkepentingan terpaksa merancang cara lain untuk memelihara warisan tidak ketara ini. Hasty (2002) menyatakan bahawa upacara atau ritual peralihan ini seolah-olah satu rancangan oportunistik yang direka oleh sesebuah negeri atau negara untuk menjana pendapatan dalam sektor pelancongan, kerana ketiadaan penerimaan masyarakat yang ketara. Persepsi ini tidak jauh dari realiti yang dialami oleh masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang sendiri.

Walau bagaimanapun, menurut Yu et. al. (2016), kurangnya penerimaan untuk melaksanakan upacara peralihan ini disebabkan kurangnya penyelidikan dan penerbitan produk budaya berkaitan masyarakat Baba Nyonya. Kekurangan dokumentasi dan penerbitan menyebabkan masyarakat umum kurang mengetahui warisan dan amalan yang terdapat dalam masyarakat Baba dan Nyonya.

Seterusnya, generasi muda kurang terlibat dalam amalan tradisi upacara-upacara yang menandakan peralihan kehidupan penting dalam masyarakat Baba dan Nyonya. Ini kerana generasi muda dalam kalangan etnik minoriti biasanya mengalami konflik identiti semasa proses asimilasi hasil daripada percampuran budaya terutamanya apabila dikenal pasti sebagai 'Melayu' dalam konteks Malaysia (Kawangit, 2015). Disebabkan konflik identiti dalam etnik minoriti ini, generasi muda beranggapan bahawa amalan tradisional tidak mempunyai sebarang kepentingan terutama dari segi agama dan kepercayaan. Konflik identiti ini mencerminkan pemisahan antara nilai tradisional dan pengaruh modeniti dan globalisasi yang semakin dominan. Generasi muda mungkin merasakan amalan tradisi seperti upacara peralihan tidak lagi relevan atau bermakna kepada mereka terutama dalam konteks agama dan kepercayaan.

Di samping itu, menurut Oh et al. (2019), hidangan tradisional Baba Nyonya yang merupakan salah satu tradisi dan warisan masyarakat ini telah luntur dalam demografi generasi muda. Hilangnya kehadiran masakan tradisional Baba Nyonya juga menunjukkan perubahan dalam amalan budaya yang diturunkan dari generasi ke generasi. Kekurangan penyediaan hidangan tradisional ini berpunca daripada kerumitan proses penyediaan atau kurangnya minat generasi muda untuk meneruskan tradisi tersebut. Ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih besar daripada masyarakat dan institusi pendidikan untuk mempromosikan dan memelihara warisan

budaya Baba Nyonya, bukan sahaja sebagai lambang identiti tetapi juga sebagai penanda sejarah dan kekayaan budaya yang mesti dipelihara.

Seterusnya, generasi muda telah menunjukkan kecenderungan untuk meninggalkan pendekatan pembelajaran konvensional oleh kerana peluang pendidikan yang dipertingkatkan (Oh et al., 2019). Ini menunjukkan perubahan cara generasi muda masyarakat Baba Nyonya mengakses dan memahami warisan budaya mereka. Hal ini mengakibatkan rasa identiti yang berpecah-belah, antara menegakkan prinsip yang dihargai oleh nenek moyang mereka dan menyelaraskan dengan aliran pendidikan global semasa dan kepercayaan mereka sendiri yang berkembang. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Fikri et. al. (2021) mendedahkan bahawa penyertaan generasi muda dalam aktiviti kebudayaan adalah terhad, walaupun adanya usaha yang besar untuk melibatkan mereka dalam usaha yang berorientasikan budaya. Ini menunjukkan kesukaran dalam mengekalkan penglibatan generasi muda dengan warisan budaya, merangkumi upacara adat seperti upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya. Faktor seperti perubahan gaya hidup, pengaruh teknologi dan perubahan masyarakat boleh menyumbang kepada keengganan generasi muda untuk terlibat dalam acara kebudayaan tradisional. Oleh itu, pendekatan yang lebih menarik dan relevan harus diguna pakai untuk menarik minat mereka dengan lebih berkesan dan cekap. Penting bagi masyarakat Baba Nyonya untuk memahami kesukaran yang dihadapi oleh generasi muda mereka dalam mengekalkan warisan budaya tetapi juga untuk melaksanakan strategi yang menyeluruh yang membolehkan mereka memahami dan menghargai prinsip dan adat yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meningkatkan penerimaan belia terhadap ritual upacara peralihan yang diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya di George Town, Pulau Pinang.

1.2 Persoalan kajian

Kajian ini mempunyai tiga (3) persoalan kajian iaitu;

- 1.2.1 Apakah ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan / *rite of passage* etnik Baba Nyonya?
- 1.2.2 Bagaimanakah penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya?
- 1.2.3 Apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya?

1.3 Objektif kajian

Terdapat tiga (3) objektif kajian iaitu;

- 1.3.1 Mengenal pasti ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan / *rite of passage* etnik Baba Nyonya.
- 1.3.2 Mengkaji penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya.
- 1.3.3 Menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan/ *rite of passage* kaum Baba Nyonya.

1.4 Skop kajian

Kajian ini menitik beratkan kepada penerimaan generasi muda dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenal pasti ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan / *rite of passage* etnik Baba Nyonya, mengkaji penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya dan menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan/ *rite of passage* kaum Baba Nyonya.

Penggunaan metodologi dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang menggunakan pendekatan campuran atau “*mixed method*” iaitu pengkaedahan kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif yang digunakan meliputi perancangan soalan bagi kaedah tinjauan (borang soal selidik) terhadap komuniti Baba Nyonya di sekitar kawasan *George Town*, Pulau Pinang berkaitan penerimaan generasi muda terhadap upacara peralihan dan cadangan langkah-langkah dalam pelestarian upacara tersebut kepada komuniti Baba Nyonya. Analisis data akan melibatkan pemeriksaan maklumat untuk mendedahkan pola dan pengkaitan dalam perkara yang sedang disiasat. Proses ini akan membantu untuk mendedahkan cerapan dan sambungan yang mungkin tidak dapat dilihat dengan segera, yang membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang data yang diperoleh.

Selain itu, rekabentuk kajian yang digunakan dalam kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data melalui sesi temu bual dengan responden iaitu naib pengerusi Persatuan Peranakan Cina, Pulau Pinang. Sesi pemerhatian juga dilakukan untuk mengumpul maklumat tentang penerimaan generasi muda masyarakat Baba Nyonya tentang upacara peralihan juga melaksanakan analisis yang merangkumi penelitian terperinci terhadap gambar, kajian lepas dan bahan berkaitan penerimaan generasi muda Baba Nyonya dalam pelaksanaan upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya.

Teori yang digunakan sebagai rujukan kajian adalah teori simbolik interaksionalisme. Teori interaksionisme simbolik ini memainkan peranan penting dalam menjelaskan proses di mana individu membentuk rasa diri mereka melalui interaksi dengan orang lain dan tafsiran simbol dalam interaksi harian mereka. Ia mempunyai implikasi yang ketara dalam bidang psikologi sosial dan sosiologi, berfungsi sebagai asas untuk pelbagai kajian dan teori yang meneroka pembinaan realiti sosial dan identiti dalam masyarakat. Oleh itu, jelaslah bahawa aktiviti interaksi dalam kalangan masyarakat amatlah penting dalam pembangunan identiti seseorang individu dalam segi sosiologi dan psikologi.

1.5 Signifikasi kajian

Kajian penyelidikan ini akan memberikan pengetahuan yang mendalam mengenai upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di *George Town*, Pulau Pinang. Hal ini kerana, tidak ramai penglibatan warga muda etnik Baba Nyonya dalam pelestarian tradisi yang dilakukan oleh nenek moyang mereka pada masa dahulu dan kurangnya kesedaran dalam mengekalkan adat tersebut di *George Town*, Pulau Pinang. Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran yang besar kepada pengkaji dalam kepentingan menghargai tradisi setiap Masyarakat di Malaysia, khususnya di kawasan tempat tinggal pengkaji sendiri.

Pemahaman secara *detail* kepada pengkaji merupakan satu bentuk kepentingan yang utama yang wajar pengkaji peroleh, oleh kerana projek penyelidikan ini dapat memberikan pemahaman kepada pengkaji agar beliau dapat memahami serta menghargai keunikan tradisi yang wujud dalam lanskap budaya tempatan yang pelbagai. Selain itu, pengkaji juga berpeluang untuk mengetahui kepentingan upacara peralihan ini kepada masyarakat Baba Nyonya serta perspektif mereka tentang upacara tersebut.

Signifikasi lain yang pengkaji perolehi adalah dari aspek kesedaran pelestarian budaya etnik minoriti. Kajian ini dapat membantu pengkaji menganalisis dan menilai langkah-langkah yang sesuai dalam usaha melestarikan upacara peralihan etnik Baba Nyonya di *George Town*, Pulau Pinang. Semoga dengan adanya kesedaran dan kefahaman ini, pengkaji dapat memberikan buah fikir yang relevan dalam usaha pelestarian amalan tradisi tempatan terutamanya dalam kalangan warga muda dalam konteks masyarakat Malaysia. Akhir sekali, implikasi asimilasi budaya dapat meningkatkan kefahaman pengkaji mengenai implikasi asimilasi budaya dalam etnik minoriti terutama sekali berkaitan upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di *George Town*, Pulau Pinang. Ini akan membantu pengkaji dalam menyedari impak pelestarian upacara peralihan kepada etnik Baba Nyonya dalam membentuk acuan identiti budaya dan sosial mereka sebagai sebahagian etnik minoriti Malaysia. Kajian ini memberikan peluang kepada pengkaji dalam mendalami pengetahuan beliau mengenai aspek-aspek utama dalam fabrik budaya Malaysia sambil berpeluang untuk menyumbang kepada usaha pengekalan warisan budaya tempatan yang unik dan pelbagai.

1.6 Lokasi kajian

Lokasi kajian pengkaji adalah dari ahli kumpulah Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang dalam “Upacara Peralihan Masyarakat Baba Nyonya Di *George Town*, Pulau Pinang” merupakan sebuah persatuan Peranakan Cina yang masih lagi aktif menjalankan kegiatan-kegiatan tradisi Masyarakat tersebut. Persatuan ini berada di Tengah-tengah bandar raya bersejarah negeri Pulau Pinang yang kini sibuk dengan pelbagai aktiviti-aktiviti kehidupan seharian penduduk setempat. Lokasi ini dilihat sebagai sebuah lokasi yang ideal dalam menjalankan kajian yang lebih mendalam serta selaras dengan kehendak objektif pengkaji. Persatuan ini beralamat di 13, Jalan Perak, *George Town*, Pulau Pinang yang beroperasi pada pukul 10 pagi hingga 5 petang setiap hari kecuali hari Sabtu dan Ahad.

Persatuan ini dikenali sebagai salah satu persatuan Peranakan Cina yang masih lagi aktif mengamalkan tradisi nenek moyang mereka walaupun upacara yang diadakan kurang diketahui ramai. Antara program-program yang pernah mereka adakan dalam kalangan ahli persatuan adalah seperti Pertandingan Ratu Cantik, nyanyian Dondang Sayang bertemakan *Chap Goh Meh* dan kelas menjahit. Dengan adanya usaha-usaha ini menunjukkan bahawa pihak persatuan masih lagi bersemangat dalam melestarikan adat-adat tradisi etnik ini.

Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang ini berpusat di tengah-tengah bandar *George Town* yang sibuk yang mempunyai banyak bangunan-bangunan bersejarah negeri Pulau Pinang. Lokasi ini dilihat sebagai sebuah lokasi yang strategik memandangkan populasi Peranakan Baba Nyonya dan Cina yang banyak di daerah ini. Tambahan pula, lokasi ini berdekatan dengan jalan raya yang sering digunakan oleh Masyarakat setempat membolehkan individu-individu di kawasan ini mendapatkan maklumat terus daripada ahli persatuan ini. Bukan itu sahaja, bangunan persatuan ini juga merupakan sebuah bangunan lama milik keluarga Baba Michael Cheah yang diguna semula dan berfungsi sebagai tempat berkumpul ahli persatuan ini.


Lokasi persatuan ini juga tidak jauh dengan Muzium Peranakan Cina yang dijaga oleh Baba Michael dan anak angkatnya sendiri. Muzium tersebut menempatkan pelbagai artifak berharga serta barangan antik milik masyarakat Baba Nyonya di negeri Pulau Pinang. Walaupun kurang didengari, persatuan ini terus berusaha dalam pelestarian adat dan tradisi etnik mereka dengan cara menyimpan barangan berharga di bangunan persatuan dan Muzium Rumah Peranakan Cina dengan harapan agar bukan sahaja warga muda mereka tertarik dengan amalan masyarakat mereka, malah kaum lain yang ingin menghargai warisan mereka yang unik ini.

1.7 Peta kajian



Rajah 1.1 Menunjukkan sekitar kawasan persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang di George Town, Pulau Pinang.

Rajah 1.1 adalah pandangan satelit sebuah kawasan di George Town, Pulau Pinang. Ia menunjukkan lokasi bangunan Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang. Bangunan Persatuan Peranakan Cina merupakan sebuah bangunan lama yang terletak di Tengah bandar George Town. Bangunan ini boleh dilihat dikelilingi oleh beberapa bangunan lain dan berdekatan dengan Hospital Pantai cawangan George Town.



Rajah 1.2 Menunjukkan bangunan-bangunan lain yang berdekatan dengan bangunan Persatuan Peranakan Cina di George Town, Pulau Pinang.

Rajah 1.2 adalah imej pandangan satelit yang diambil daripada aplikasi *Google Earth*. Rajah ini menunjukkan kawasan sekitar bangunan Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang. Dapat dilihat pada bahagian atas, bangunan ini berdekatan dengan Pusat Kristian Pulau Pinang atau *Penang Christian Centre* (PCC) dan juga berdekatan dengan sebuah tadika iaitu Tadika Rajawali.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Struktur Projek Penyelidikan

Secara keseluruhannya, projek penyelidikan yang dijalankan ini mengandungi lima bab. Bab Satu adalah tentang pengenalan bagi kajian yang dikaji. Bab Dua memfokuskan sorotan kajian atau kajian literatur yang merangkumi konsep warisan tidak ketara, adat, kepercayaan, ritual, upacara peralihan (*rites of passage*), Baba Nyonya, asimilasi dan adaptasi, bahasa, makanan, kraftangan, pakaian, aksesori, ritual dalam masyarakat Baba Nyonya, adat, aplikasi teori interaksi simbolik dan kesimpulan. Bab tiga pula membincangkan tentang teknik yang digunapakai dalam menganalisis data iaitu teknik analisis tematik bagi data kualitatif dan teknik analisis deskriptif bagi data kuantitatif dan kesimpulan.

Seterusnya, Bab Empat pula menerangkan tentang hasil dapatan kajian bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian yang telah ditetapkan. Ini termasuklah Sejarah perdagangan masyarakat Baba Nyonya, jenis-jenis upacara peralihan, demografi responden, pandangan generasi muda berkaitan upacara peralihan (*rites of passage*) masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang, dan penerimaan generasi muda terhadap upacara peralihan. Bab Empat juga membincangkan tentang Langkah-langkah yang diambil dalam usaha melestarikan upacara peralihan (*rites of passage*) masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang dan Kesimpulan daripada maklumat yang diperoleh sepanjang kajian dilaksanakan. Akhir sekali, Bab Lima menjelaskan tentang rumusan setiap bab, dapatan utama dan Cadangan kajian untuk pengkaji akan datang.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua membincangkan mengenai definisi warisan tidak ketara dalam kajian mengenai upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di *George Town*, Pulau Pinang. Kajian lepas yang dipetik daripada pemikir sarjana tempatan dan sarjanan barat dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci dan membuka sudut pandangan yang baharu dalam kajian. Pada bab ini juga mengulas dengan lebih mendalam tentang upacara peralihan dan kaitannya dengan adat yang dipraktikkan oleh masyarakat Baba Nyonya di *George Town*, Pulau Pinang. dalam aspek adat dan upacara peralihan, bab ini menyajikan infomasi yang lebih pelbagai melalui pelbagai bahan kajian bagi menerangkan upacara peralihan dalam adat masyarakat Baba Nyonya. Seterusnya, kerangka teori simbolik interaksionalisme digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

2.1 Warisan Tidak Ketara

Warisan merupakan suatu ilmu atau barangan yang diterima secara turun temurun oleh seseorang individu daripada sesebuah kelompok masyarakat generasi dahulu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Ini sejajar dengan pemahaman yang diambil daripada Akta Warisan Kebangsaan (2005) yang menjelaskan bahawa warisan merupakan sesuatu yang terdiri daripada warisan kebangsaan, objek warisan, mana-mana tapak yang mempunyai sejarahnya yang bernilai, objek warisan bawah air atau mana-mana individu hidup yang arif akan sesuatu amalan turun temurun yang telah diangkat sebagai warisan kebangsaan.

Terdapat dua jenis kategori warisan iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara boleh ditakrifkan sebagai warisan budaya yang boleh dilihat dan disentuh seperti warisan ketara adalah seperti gunung, candi, tapak sejarah, monumen, dan bangunan (Mohd dan Dollah, 2011).

Warisan budaya tidak ketara pula merujuk kepada amalan, representasi, ekspresi, pengetahuan, kemahiran, instrumen, objek, artifak, dan ruang budaya yang masyarakat, kumpulan, dan individu akui sebagai sebahagian daripada warisan budaya mereka. Warisan budaya tidak ketara diturunkan melalui generasi ke generasi dan terus diubahsuai oleh masyarakat sebagai respon kepada persekitaran mereka, interaksi dengan alam semula jadi, dan sejarah. Ia memberikan identiti dan menghargai kepelbagaian budaya dan kreativiti masyarakat. (UNESCO, 2003). Sementara itu, Jabatan Warisan Negara (2020) pula menerangkan bahawa seni persembahan, bahasa, seni halus, kraftangan, adat, dan budaya adalah semua antara contoh warisan tidak ketara. Oleh kerana ia merupakan salah satu perlambangan identiti masyarakat dan negara, pelbagai aspek warisan tidak ketara perlu dilindungi dan dilestarikan.

Berdasarkan laman sesawang Jabatan Warisan Negara (2024) terdapat empat kategori warisan kebudayaan tidak ketara iaitu;

1. Adat dan budaya (Adat dan Kepercayaan, Budaya Lingkungan, Adat Kitaran yang melibatkan adat istiadat, makanan, permainan tradisi, perubatan tradisional, seni pertahanan diri)
2. Seni Persembahan merangkumi muzik, tari, seni lakon;
3. Bahasa dan Persuratan merangkumi bahasa, tulisan Jawi, manuskrip, Lagu Rakyat, Cerita Rakyat;
4. Seni Halus dan Kraf merangkumi busana, tekstil, seni hias diri dan kraf (motif ukiran, lukisan, anyaman, sulaman dan tekatan, seramik serta logam).

2.2 Adat

Istilah "adat" berasal dari bahasa Arab dan menunjukkan amalan adat. Ia merangkumi satu set tindakan, tingkah laku dan kepercayaan yang telah diturunkan dari generasi ke generasi dan dianggap sebagai norma tradisional (Jabatan Warisan Negara, 2024). Adat juga boleh ditakrifkan sebagai satu set peraturan dan undang-undang yang digunapakai oleh komuniti setempat. Adat juga ditafsirkan sebagai asas dan titik mula undang-undang yang signifikan kepada masyarakat selama beribu tahun dahulu (Postema, 2012).

Adat atau juga undang-undang adat merujuk kepada koleksi tradisi, tingkah laku dan keyakinan yang diiktiraf sebagai prinsip tingkah laku yang mengabungkan penduduk asli dan masyarakat tempatan. Undang-undang adat juga adalah komponen yang wujud dalam struktur dan cara hidup masyarakat dan ekonomi mereka. Undang-undang adat dicirikan oleh komposisi adat yang diakui secara kolektif dan dikongsi oleh masyarakat, orang, suku, etnik atau kumpulan agama. Ini berbeza dengan perundangan bertulis yang berasal daripada kuasa politik yang ditubuhkan secara rasmi, dan dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa itu, biasanya kerajaan. Undang-undang adat memainkan peranan penting dalam intipati teras orang asli dan masyarakat tempatan, mewujudkan hak, kewajipan dan tanggungjawab masyarakat berhubung dengan bahagian penting dalam kehidupan, budaya dan perspektif mereka. Undang-undang adat merangkumi pelbagai aspek seperti penggunaan dan ketersediaan sumber asli, hak dan tanggungjawab berkenaan tanah, harta pusaka dan harta, amalan yang berkaitan dengan kehidupan rohani, pemeliharaan warisan budaya dan sistem ilmu (Tobin et al., 2023).

Adat dan tradisi boleh dibahagikan kepada dua aspek yang berbeza iaitu dari segi aspek linguistik dan idiomatik. Adat dan tradisi dari aspek linguistik adalah tabiat atau pola tingkah laku biasa dan automatik yang berlaku melalui amalan yang berulang. Tradisi pula merujuk kepada amalan, kepercayaan, karya, dan budaya yang diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Dari sudut pandang idiomatik pula, adat merujuk kepada ritual yang diwarisi dari turun-temurun dan menjadi sebahagian daripada pandangan agama sesebuah masyarakat, berfungsi sebagai warisan budaya dan melambangkan nilai-nilai tertentu (Finjan, 2024).

2.3 Kepercayaan

Maksud “kepercayaan” menurut Cobern (2015) merupakan suatu bentuk penerimaan terhadap sesuatu dalil sebagai kebenaran. Setiap individu mempunyai kepercayaan yang tersendiri. Kepercayaan boleh didatangkan dalam pelbagai bentuk seperti percaya terhadap alam sekitar, benda, tuhan serta agama. Menurut Durkheim (1915) agama bermaksud suatu set rangka kerja idea dan ritual yang kohesif berkaitan dengan entiti suci, yang dianggap sebagai berasingan dan dilarang. Kepercayaan dan ritual ini berfungsi untuk mengikat individu ke dalam masyarakat bermoral tunggal, kadang-kadang dirujuk sebagai gereja, yang terdiri daripada semua orang yang mempercayainya.

Haq (2020) menyatakan bahawa terdapat lima (5) jenis kepercayaan yang wujud dan dianuti oleh masyarakat kini. Kesemua kepercayaan ini mempunyai asasnya yang tersendiri iaitu;

1. Monotheisme - Percaya kepada satu tuhan sahaja.
2. Polytheisme - Percaya kepada dua atau lebih tuhan
3. Animisme - Percaya kepada benda bukan manusia (tumbuh-tumbuhan, haiwan, cuaca, dll.)
4. Totemisme - Percaya kepada hubungan manusia dengan alam.
5. Atheisme - Tidak percaya dengan keberadaan tuhan atau lain-lain kepercayaan.

Masyarakat Baba Nyonya menganuti agama Buddha. Agama Buddha, yang muncul di India 2,500 tahun lalu, adalah antara agama terbesar di dunia. Penganut Buddha memegang kepercayaan bahawa kewujudan manusia dicirikan oleh penderitaan, dan bahawa pencapaian pencerahan, atau nirwana, boleh dicapai dengan amalan meditasi, usaha mental dan fizikal, dan kelakuan yang mulia (National Geographic Society, 2024). Bagi penganut agama Buddha, mereka menganggap bahawa Buddha bukanlah Tuhan tetapi sebagai makhluk yang luar biasa (History.com Editors, 2017). Oleh itu, agama Buddha merupakan sebuah kepercayaan yang berasaskan animisme oleh kerana kepercayaan mereka tidak kepada mana-mana Tuhan, malah lebih kepada cara hidup yang mulia dan percaya akan nirvana sebagai tempat tujuan selepas kematian.

Walaupun bagaimanapun, setelah beberapa dekad sesetengah masyarakat Baba Nyonya mula menukar kepercayaan dan agama mereka seperti menganuti agama Kristian, Hindu, Islam dan lain-lain. Penukaran agama di kalangan masyarakat Baba Nyonya dibenarkan dan tiada paksaan sesama mereka. Walaupun telah bertukar agama, masyarakat baba Nyonya masih mengamalkan adat dan budaya mereka bagi mengenang jasa nenek moyang. Mereka juga beranggapan bahawa kehidupan yang dijalani adalah hasil daripada pengorbanan nenek moyang mereka yang terdahulu (Zulkefli et al., 2019).

2.4 Ritual

Ritual merujuk kepada pelaksanaan tindakan upacara yang diamanatkan oleh tradisi atau pihak berkuasa sesebuah agama. Ritual adalah corak tingkah laku yang berbeza dan boleh diperhatikan yang ditunjukkan oleh setiap masyarakat. Ritual boleh dianggap sebagai cara untuk menggambarkan atau mencirikan manusia (Penner, 2024). Ritual juga merujuk kepada himpunan tindakan atau amalan yang direka secara sosial untuk mematuhi norma budaya dalam tamadun tertentu. Upacara dan ritual melambangkan prinsip dan norma proses menurunkan ilmu, pembentukan peranan, identiti individu dan kumpulan, dan perpaduan sosial (Giovagnoli, 2018).

Ritual atau juga amalan sosial ini merangkumi pelbagai bentuk, termasuklah ritual pemujaan, upacara peralihan, kelahiran, perkahwinan, dan upacara pengebumian, sumpah setia, sistem perundangan tradisional, permainan dan sukan tradisional, upacara kekerabatan dan ritual kekerabatan, corak penempatan, tradisi masakan, upacara bermusim, amalan khusus jantina, dan amalan memburu, memancing dan mengumpul, antara lain. Selain itu, ia merangkumi pelbagai komponen ekspresif dan fizikal, seperti gerak isyarat dan perkataan yang unik, bacaan, lagu atau tarian, pakaian tersendiri, perarakan, persembahan haiwan dan masakan khusus (UNESCO, 2018).

KELANTAN

Oleh itu, ritual menyumbang kepada peningkatan kesedaran kumpulan dalam masyarakat; ritual juga dapat menentukan status dan peranan sosial; mempersembahkan corak tingkah laku sedia dibuat dengan menunjukkan bagaimana seseorang individu itu akan berkelakuan dalam masyarakat; dan menghubungkan individu dengan masa lalu bertujuan untuk mewujudkan jalinan emosi (Mehmet, 2023).

2.5 Upacara Peralihan / Rites of Passage

Marvin Harris menyatakan di dalam Merriam-Webster Dictionary (2024), upacara peralihan atau “rite of passage” ialah ritual-ritual perjalanan mengingati peralihan seseorang dalam sesebuah kumpulan sosial atau status penting yang mempunyai makna bagi kedua-dua individu dan komuniti. Ritual-ritual perjalanan kehidupan biasanya dikaitkan dengan reproduksi atau pembiakan manusia, mencapai umur dewasa, perkahwinan, dan kematian. Dalam kalangan masyarakat, terdapat pelbagai ritual atau upacara yang dijalankan sesuai dengan peringkat umur seseorang individu dari awal kelahiran sehinggalah saat kematian.

Upacara peralihan ini boleh dibahagikan kepada tujuh (7) fasa peralihan iaitu;

1. Fasa sebelum kelahiran
2. Fasa kelahiran
3. Fasa akhil baligh
4. Fasa dewasa
5. Fasa alam perkahwinan
6. Fasa melahirkan
7. Fasa kematian

Arnold van Gennep (1908) di dalam makalahnya *les rite de passage*, menyatakan bahwa istilah "upacara peralihan" merujuk kepada jenis upacara tertentu yang dicirikan oleh satu set tindakan unik yang diperoleh daripada emosi dan keadaan fikiran tertentu. Dari sudut analogi, masyarakat terdiri daripada status sosial tertentu, dan seseorang individu akan beralih dari satu status ke status lain. Ini membolehkan individu membentuk identiti dari satu status ke status yang lain. Upacara peralihan atau *rites of passage* adalah upacara yang diatur di mana seseorang

individu dipimpin dari satu status sosial ke status sosial yang lain oleh masyarakat. Dalam erti kata lain, masyarakat membimbing seseorang individu dengan membentuk seseorang individu itu dari satu status sosial ke status sosial yang lain (Holm dan Bowker, 1994).

Dalam agama Kristian terdapat beberapa fasa yang mengikut susun atur upacara peralihan di atas. Salah satunya adalah upacara baptisme. Pembaptisan adalah suatu jenis upacara suci yang utama dan penting dalam agama Kristian. Agama Kristian memperkenalkan upacara ini dalam senarai upacara yang diamalkan oleh manusia dalam kehidupan seharian mereka. Melalui penggunaan air dan memohon atau menyeru kepada "*Holy Trinity*", seorang individu akan diterima ke dalam Gereja dan menjadi salah seorang ahli daripada penganut agama ini. Intipati air yang wujud, yang biasa digunakan bertujuan untuk membersihkan dan menyucikan, memperoleh pelbagai tahap kepentingan teologi apabila ia digunakan sebagai air pembaptisan. Kepentingan air pembaptisan terletak pada keupayaannya untuk melambangkan peralihan daripada kelahiran pertama dan semula jadi daripada rahim kepada kelahiran baru melalui belas kasihan Tuhan (Holm dan Bowker, 1994). Ini merupakan salah satu bentuk upacara peralihan fasa kelahiran bagi penganut agama Kristian.

Berlainan pula dengan agama Islam di mana, selepas kelahiran, anak yang dilahirkan tidak perlu disucikan melalui upacara pembaptisan. Adat awal, atau upacara, yang dikaitkan dengan ketibaan bayi yang baru lahir adalah sesuatu yang mudah tetapi penting. Adalah penting untuk segera mengucapkan syahadah, bermula dengan telinga kanan kanak-kanak dan kemudian ke telinga kiri bayi baru lahir tersebut. Ini biasanya berlaku di lokasi kelahiran bayi, sama ada di hospital atau di rumah. Bacaan ini boleh dilakukan oleh bapa bayi itu, namun kadang-kadang seorang imam boleh diminta untuk melakukannya. Imam adalah individu muslim yang telah menimba ilmu dalam al-Quran dan shariah. Mereka sering mengimamkan solat di masjid, khususnya solat berjemaah pada hari Jumaat, yang juga memerlukan seorang imam untuk menyampaikan khutbah. Lazimnya, syahadah dilafazkan di telinga kanan manakala azan dilafazkan di telinga kiri bayi. Azan merupakan sebuah panggilan untuk menunaikan solat yang didengari oleh umat Islam lima kali sehari. Laungan azan melambangkan rasa kasih sayang daripada ibu bapa kepada anak-anak dan peringatan yang berterusan tentang kekuasaan Tuhan pada tahun-tahun awal mereka, dengan harapan upacara ini akan mengembangkan keinginan anak

yang baru dilahirkan untuk mengambil bahagian dalam solat berjemaah dengan menggunakan pelbagai ungkapan al-Quran yang digalakkan dalam kehidupan seharian mereka setelah mereka dewasa kelak (Holm dan Bowker, 1994).

2.6 Baba Nyonya

Baba Nyonya merupakan keturunan saudagar Cina yang berpindah dan berkahwin campur dengan penduduk asli di Melaka. Mereka berkhidmat sebagai pengantara utama perdagangan British dan memperoleh kekayaan ekonomi yang besar pada era kolonial dahulu. Komuniti Baba Nyonya telah meluas ke seluruh Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura, dan pernah memainkan peranan penting sebagai orang tengah antara ahli perniagaan British. (Luebe dan Hussin, 2019).

2.6.1 Asimilasi dan Adaptasi

Masyarakat Baba Nyonya seringkali berhadapan dengan krisis identiti di mana dalam konteks Malaysia mereka akan disalah ertikan sebagai “Melayu” dan bukannya dari etnik mereka sendiri oleh kerana pengasimilasian dan pengadaptasian yang telah masyarakat mereka lalui. Sebagai contoh, seseorang yang dilahirkan dalam keluarga Melayu yang menetap di Malaysia mungkin mengenali diri mereka sebagai "Melayu". Individu yang dilahirkan dalam keluarga Baba Nyonya di Malaysia dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara mungkin mempunyai pilihan yang berbeza tentang cara mereka dikenal pasti. Mungkin ada yang memilih untuk dikenali sebagai Melayu untuk mendapat manfaat daripada diiktiraf sebagai Bumiputera. Manakala, individu lain mungkin lebih suka dikenali sebagai Baba atau Nyonya untuk menghormati akar keluarga mereka. Sebagai alternatif, sesetengah individu mungkin lebih suka dikenali sebagai orang Cina, bertujuan untuk lebih memeluk identiti budaya dan warisan mereka. Tekanan masyarakat dan persekitaran untuk mematuhi *standard* bersama dalam kumpulan mungkin mencetuskan "pertukaran etnik" atau "dilema identiti". Walau bagaimanapun, sumbangan ekonomi seseorang individu kepada negara adalah penting untuk kesejahteraan keseluruhan masyarakat. (Kawangit, 2014).

2.6.2 Bahasa

Masyarakat minoriti Baba Nyonya dikenali sebagai salah satu etnik berketurunan Cina, yang tidak bertutur dalam Bahasa Mandarin seperti kaum Cina kebanyakan. Ini kerana masyarakat mempunyai sistem bahasa sendiri yang menggabungkan dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Hokkien. Sistem bahasa ini dikenali sebagai bahasa Kreol oleh masyarakat Baba Nyonya. Walau bagaimanapun, generasi muda masyarakat Baba Nyonya kini tidak lagi mengamalkan bahasa ini kerana mereka lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris, bahasa Mandarin atau Bahasa Hokkien. Hal ini kerana majoriti masyarakat ini lebih mengutamakan penguasaan Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris (Ma'alip dan Omar, 2018).

2.6.3 Makanan

Baba Nyonya merupakan satu komuniti Peranakan yang terkenal dengan kepelbagaian hidangan makanan mereka. Dalam satu acara mereka gemar menggabungkan elemen makanan Cina dengan rempah dan cara masakan Melayu. Makanan Baba Nyonya memainkan peranan penting dalam upacara peralihan dalam mencerminkan campuran tradisi masakan antara Melayu dan Cina. Douglas Luebe (2019) menyatakan dapur Baba Nyonya menggabungkan tradisi antara masakan Cina dan Melayu yang merupakan sebahagian daripada upacara peralihan dan masakan Nyonya telah diiktiraf sebagai masakan yang komersial kerana penukaran perkhidmatan yang menjejaskan keaslian dan nilai budaya masyarakat mereka. Turut diperhatikan dalam etika makanan, kebanyakan masyarakat muda yang masih kurang mengetahui makanan warisan dari masyarakat Baba Nyonya. Menurut Ahmad Rasmi (2017) dalam satu penyelidikan yang menunjukkan bahawa pengetahuan tentang masakan Baba Nyonya adalah satu perkara yang penting kerana tradisi tersebut semakin lama semakin hilang serta perlu ditekankan untuk mengekalkan warisan masakan masyarakat ini.

2.6.4 Kraftangan, pakaian, aksesori

Warisan masyarakat Baba Nyonya merangkumi pakaian, perhiasan dan seni kraftangan yang unik dan pelbagai warna. Baba Nyonya terkenal dengan keahlian menyulam benang emas dan kain songket untuk digunakan dalam pakaian tradisional mereka. Terdapat banyak aspek kehidupan Baba Nyonya yang menunjukkan mereka kaya dengan warisan budaya termasuk upacara peralihan. Bahan yang berkaitan dengan budaya masyarakat Baba Nyonya seperti kebaya sarong, kasut bermanik tradisional iaitu kasut manik. Selain itu, pakaian tradisional Baba termasuk baju panjang dan seluar pendek beserta songkok dalam memainkan peranan penting terhadap upacara peralihan Batik Baba Nyonya (Noraini, 2024; Asharatul, 2022). Perhiasan atau aksesori dalam masyarakat Baba Nyonya seperti bros, gelang dan rantai leher dihiasi dengan batu permata dan manik turut menjadi sebahagian daripada warisan masyarakat Baba Nyonya. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kemajuan dan perubahan gaya hidup terdapat kesukaran dalam mengekalkan budaya di kalangan masyarakat muda yang memberi kesan terhadap tradisi warisan ini (Farhana, 2022). Amalan budaya masyarakat Baba Nyonya perlu disimpan dan diteruskan kepada generasi yang semakin berkembang melalui inisiatif seperti menulis literatur dan membangunkan bahan pendidikan agar masyarakat muda dapat memahami dan mempelajari seni, pakaian dan perhiasan masyarakat Baba Nyonya. (Asharatul, 2022).

2.6.5 Ritual

Baba Nyonya merangkumi pelbagai ritual dan tradisi sebagai warisan dan memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Antara ritual lain yang serupa dengan upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya seperti upacara Ruwatan Leuwang Babakti Mandala Manglayang di Indonesia. Masyarakat di sana sangat penting dalam memelihara warisan budaya semasa upacara peralihan. Ritual ini melambangkan hubungan antara manusia dan alam semula jadi kerana ritual tersebut bertujuan untuk menanamkan penghargaan yang mendalam terhadap alam sekitar dan kepelbagaian budaya masyarakat Baba Nyonya (Sigit, 2023). Dalam memastikan warisan ritual Baba Nyonya sentiasa dikekalkan bagi menyampaikan identiti budaya mereka melalui amalan gaya hidup dan penjaagan harta warisan sangat penting untuk dikekalkan kepada generasi muda (James, 2010). Walau terdapat cabaran seperti golongan muda kerana arus pemodenan dan perubahan gaya hidup, usaha menyatukan ritual dalam upacara peralihan berfungsi sebagai cara untuk memupuk kesedaran alam sekitar, memelihara warisan tempatan dan memastikan cara hidup budaya Baba Nyonya sentiasa diteruskan bagi generasi akan datang (Farhana,2022).

2.6.6 Adat

Adat atau upacara peralihan yang sering diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya adalah upacara perkahwinan. Upacara ini dimulakan apabila seseorang itu telah mencapai umur dewasa di mana bu bapa bakal pengantin biasanya akan memilih calon pasangan untuk anak mereka. Setelah mendapat calon yang sesuai, upacara “Anteh Sireh” iaitu upacara merisik bakal pengantin wanita melalui jemputan yang menggunakan wang, sireh, kacang dan limau akan diadakan. Keluarga kedua-dua bakal pengantin berbincang mengenai tarikh pernikahan buat kedua-dua mempelai. Setelah tarikh majlis ditetapkan, keluarga pengantin perempuan akan menjalankan persiapan perkahwinan dengan menukar cadar katil dan langsir baru dalam bilik bakal pengantin. Setanggi dan potpuri yang merupakan wangi-wangian berasaskan tumbuh-tumbuhan digunakan bertujuan untuk memberikan haruman kepada bilik bakal pengantin. Tanglung dan kain merah juga akan digantung pada pintu utama kediaman bagi mendapatkan keberkatan di atas perkahwinan tersebut. Selain itu, masyarakat Baba Nyonya juga mempunyai hari di mana kaum wanita akan bergotong-royong mengupas bawang sebagai salah satu persiapan hari perkahwinan tersebut. Hari tersebut digelar sebagai hari “Khuiah Thiah”. Semasa hari “Khuiah Thiah”, kaum wanita akan menggunakan bawang yang dikupas untuk dibuat dua puluh jenis sambal yang dimakan bersama nasi lemak pada hari ke dua belas upacara perkahwinan. Seterusnya, majlis “Chia Lang Khek” diadakan bagi menyambut pengantin lelaki untuk sesi makan malam di rumah pengantin perempuan. Walau bagaimanapun, pengantin perempuan dan pengantin lelaki tidak digalakkan bersemuka sehinggalah upacara “Chim Pang” berlangsung. “Chim Pang” merupakan suatu acara di mana kedua-dua mempelai bertemu buat pertama kalinya. Pasangan mempelai akan duduk secara bersemuka di kerusi yang telah disediakan oleh tuan rumah. Akhir sekali, upacara “Choon Tok” berlangsung sebagai meraikan kedua-dua mempelai sebagai suami isteri. Tetamu yang hadir akan dijamu nasi lemak dan sambal yang telah disediakan pada hari “Khuiah Thiah” (Zulkefli et al., 2019).

2.7 Teori Interkasi Simbolik

Teori interaksi simbolik merupakan sebuah bentuk teori sosiologi yang diasaskan oleh George Herbert Mead (1932). Teras teori ini terletak pada konsep 'makna' yang disifatkan oleh individu yang terlibat dalam kejadian yang mereka alami (Aksan et al., 2009). Konsep teori interaksi simbolik menyatakan bahawa individu wujud sepanjang realiti fizikal mereka dan alam simbolik.

Teori interaksi simbolik menekankan kepentingan simbol dan makna dalam interaksi manusia (Erwan, 2024). Dalam mengkaji upacara peralihan Baba Nyonya, penerapan teori interaksi simbolik dapat memberikan pandangan bagaimana simbolisme ritual mempengaruhi fasa peralihan individu. Interaksionisme simbolik mengutamakan dalam memahami makna yang dikaitkan dengan objek dan hubungan penting oleh mereka dalam persekitaran sosial tertentu (Luz, 2023). Kajian tentang upacara peralihan Baba Nyonya menunjukkan bahawa teori hubungan simbolik boleh dikaitkan dengan simbolik ritual yang digunakan semasa fasa peralihan manusia. Dalam konteks fasa peralihan manusia dalam upacara peralihan Baba Nyonya, simbolik ritual Ruwatan Leuwang Babakti Mandala Manglayang boleh dijadikan contoh kerana upacara ini dilihat sebagai tanda yang memberi makna kepada individu yang terlibat. Dalam kajian mengenai hubungan antara teori simbolik interaksionisme dan ritual Ruwatan Leuwang Babakti Mandala Manglayang. Proses penyucian dan pemulihan keseimbangan antara manusia dan alam semula jadi yang berlaku dalam ritual tersebut menunjukkan betapa pentingnya hubungan antara individu dalam membentuk persepsi dan pemahaman tentang peralihan. Hal ini kerana, simbol-simbol dalam ritual Ruwatan Leuwang Babakti Mandala Manglayang bukan sahaja berfungsi sebagai tanda fizikal, tetapi ia juga berfungsi sebagai alat penting untuk membentuk masyarakat dan perspektif masyarakat di Indonesia sendiri.

Oleh itu, dengan menggunakan interaksionisme simbolik dalam kajian Baba Nyonya dapat mendedahkan ritual dan makna simbolik yang rumit yang membentuk pengalaman individu semasa upacara peralihan.

2.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab dua menerangkan secara keseluruhan mengenai kajian lepas yang dipengaruhi oleh objektif dan persoalan kajian mengenai tajuk upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Bab ini dimulakan dengan definisi warisan tidak ketara dan adat sebagai pengenalan awal kajian dan diakhiri dengan teori yang menerangkan tentang kepentingan interaksi sesama etnik, agama dan budaya bangsa Malaysia dalam mengekalkan keunikan tradisi dan adat masing-masing yang unik bagi memperkuat kefahaman terhadap kajian yang dikaji mengenai upacara peralihan Baba Nyonya di George Town, Pulau Pinang.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang akan dijalankan adalah merupakan pendekatan kajian berbentuk kajian kes. Kajian kes merupakan satu pendekatan penyelidikan metodologi yang digunakan bertujuan untuk menghasilkan pemahaman mendalam mengenai sesuatu isu atau fenomena semasa dalam sesebuah kumpulan sistem yang terhad (Coombs, 2022). Ia juga merupakan satu teknik pengumpulan data, fakta atau maklumat bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan seseorang terhadap sesuatu perkara yang dikaji (Shuttelworth, 2008).

3.2 Reka Bentuk Penyelidikan – Kajian Kes

Reka bentuk kajian merujuk kepada rancangan sistematik bagi mengumpul infomasi berkaitan dengan kebudayaan sesebuah kelompok masyarakat dengan tujuan menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian yang sesuai adalah penting untuk memastikan bahawa penyelidikan yang telah dijalankan dengan teliti dan berstruktur mendapat jawapan yang relevan dan boleh dipercayai. Pada halaman ini, penggunaan kaedah campuran atau “*mixed method*” akan diterapkan sepanjang aktiviti kajian berlangsung. Kaedah ini menggunakan dua jenis teknik berbeza iaitu kualitatif dan kuantitatif.

3.3 Kaedah Penyelidikan

Dalam kajian mengenai upacara peralihan Baba Nyonya di Georgetown, Pulau Pinang kaedah penyelidikan campuran digunakan bagi memenuhi objektif kajian yang ditetapkan. Pengkaedahan kualitatif yang dapat hanya bergantung kepada pandangan responden dan kuantitatif iaitu yang berteraskan kepada hasil tinjauan.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

a) Temu bual

Kaedah temu bual adalah kaedah yang akan melibatkan pengkaji mendapatkan sumber informasi dan data mengenai pandangan dan situasi wakil komuniti yang ingin dikaji.

b) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dibuat oleh pengkaji dengan cara berkunjung ke kawasan yang menjadi sasaran tempat kajian berlangsung. Pengkaji hendaklah memerhati serta memahami situasi yang berlaku di kawasan yang dikunjungi tersebut.

3.3.2 Kaedah Kuantitatif – Survei

Kuantitatif merupakan salah satu lagi bentuk kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang topik yang dikaji. Ianya dijalankan dengan cara menyebarkan borang kaji selidik kepada warga komuniti dan akan memfokuskan kepada etnik Baba Nyonya sekitar Georgetown, Pulau Pinang.

3.4 Pensampelan Penyelidikan – Bertujuan dan Pensampelan Rawak Mudah

Kaedah kajian ini digunakan kerana ia melibatkan pemilihan responden dan informan berdasarkan kebolehcapaian dan ketersediaan mereka kepada pengkaji. Kaedah ini dipilih kerana informan dan responden mudah dihubungi oleh pengkaji dan mengelakkan *bias* daripada berlaku sewaktu kajian dijalankan.

3.4.1 Pensampelan Bertujuan – Kualitatif

Kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam kajian upacara peralihan Baba Nyonya di Georgetown, Pulau Pinang untuk memastikan data yang diperoleh mencerminkan kepelbagaian

dan keunikan upacara tersebut dengan teliti. Pensampelan bertujuan dilakukan untuk memilih peserta yang mewakili pelbagai lapisan sosial dan elemen masyarakat Baba Nyonya, seperti lelaki dan perempuan, tua dan muda. Dengan memilih peserta yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam upacara peralihan, pensampelan bertujuan dilakukan untuk kajian upacara peralihan Baba Nyonya di Georgetown, Pulau Pinang. Orang yang mempunyai pemahaman yang mendalam tentang aspek budaya dan tradisi Baba Nyonya mungkin termasuk dalam masyarakat yang telah dipilih. Tokoh masyarakat Baba Nyonya juga terlibat secara aktif dalam menyusun dan menjalankan upacara peralihan. Temu bual mendalam, pemerhatian menyeluruh semasa upacara berlangsung, dan analisis bahan rujukan atau data yang berkaitan adalah beberapa cara yang boleh digunakan untuk mencapai persempadanan yang dimaksudkan. Dengan menggunakan pensampelan bertujuan, kajian mempunyai keupayaan untuk menghasilkan maklumat yang kaya dan berguna untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang upacara peralihan Baba Nyonya di Georgetown, Pulau Pinang.

3.4.2 Pensampelan Rawak Mudah – Kuantitatif

Pensampelan rawak mudah menjadi pilihan dalam kajian upacara peralihan / *rites of passage* masyarakat Baba Nyonya di George Town, Pulau Pinang. Penggunaan pensampelan rawak mudah digunakan bagi mendapatkan jawapan yang tidak bias sepanjang proses kajian berlangsung. Pensampelan ini juga dipilih kerana kajian yang dijalankan memerlukan responden yang ramai. Pemilihan responden adalah secara rawak dan menggunakan borang soal selidik sebagai medium untuk mendapatkan maklum balas daripada responden. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik yang diberikan secara rawak akan menunjukkan kepelbagaian fahaman berkaitan upacara peralihan daripada pelbagai sudut pandangan generasi muda masyarakat Baba Nyonya.

3.5 Pengumpulan Data

Pada bahagian ini merujuk kepada kaedah untuk mendapatkan maklumat atau mengumpulkan data yang diperlukan dalam menjalankan kajian yang telah dipilih. Kaedah pengumpulan data primer dan sekunder akan digunakan dari aspek temu bual serta bahan kajian berbentuk kajian lepas seperti journal dan buku ilmiah sepanjang kajian dilaksanakan.

Jadual 3.1 Maklumat Informan

Informan Kajian	Pekerjaan
Baba Micheal Cheah	Naib Pengerusi Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang


3.6 Analisis Data – Analisis Tematik dan Deskriptif

Analisis data ialah komponen penting yang melengkapkan hasil pengumpulan data dan berfungsi sebagai asas untuk membuat keputusan. Demi mencapai beberapa kesimpulan atau penemuan, data daripada pelbagai sumber dikumpulkan, dikaji, dan kemudian dianalisis. Bagi memahami penerimaan generasi muda akan upacara peralihan Baba Nyonya, menggunakan pendekatan tematik dan deskriptif. Analisis tematik digunakan untuk menganalisis data melalui pengkaedahan kajian kualitatif iaitu dengan mengelas data serta mewujudkan tema yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Individu	Transkrip Bualan	Kod	Tema
A	What are the rituals in Baba Nyonya culture? The rites of passage in Baba Nyonya is a lot of things. First, of course, is the birth of a child. It means the continuity of the Baba Nyonya culture and also the inhabitants. Baba Nyonya is actually a mixed culture. My ancestors were all from China. We are traders from China. We bring to Southeast Asia silk from China, tea from China, and porcelain from China. These are the three main exports. These three items are in wide demand not only in Southeast Asia but around the world. Even those in Europe will also want Chinese silk, Chinese porcelain, Chinese tea. Malaysia happens to be very lucky in that we are the midway point. Coming from China, Malaysia can stop there. The traders from Europe, Arabia, Southeast Asian countries like India and all that, we are the halfway point, especially in Malacca. In those days, there was no Pinang. It was only Malacca. Because of that, Malaysia became the halfway point, the gathering point for all the different races from around the world, Portuguese, Dutch, English, and also the Arab countries like India, East Asia, Southeast Asia, Indonesia, and of course from China and Vietnam, etc. We are the midway point. Because of that, we meet and sometimes the traders will bring their daughters along. And then because we stay in Malacca for about six months, we call it Sejong. Sejong means we stay there for six or seven months. We meet for the trade fields.		
		Sejarah Peranakan Cina	Sejarah perdagangan antara pelbagai bangsa. Kelahiran anak sebagai kesinambungan budaya.

Rajah 3.1 Proses analisis tematik daripada transkrip temu bual

Bagi menganalisis data kuantitatif, kaedah analisis deskriptif digunakan bagi mencapai objektif kajian yang diinginkan. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian untuk menilai penerimaan generasi muda Baba Nyonya terhadap upacara peralihan yang masyarakat Baba Nyonya jalankan di *George Town*, Pulau Pinang. Analisis deskriptif juga dapat menggambarkan pandangan-pandangan generasi muda Baba Nyonya terhadap penerimaan mereka mengenai upacara peralihan di Pulau Pinang. Penggunaan soalan tertutup atau “*close ended question*” dengan pilihan jawapan “ya” dan “tidak” akan memudahkan dan memastikan ketepatan keputusan kajian yang dijalankan.



Rajah 3.2 Proses analisis daripada boring soal selidik

3.7 Kesimpulan

Natijahnya, sebelum menjalankan sesebuah kajian penyelidikan, terdapat pelbagai perkara yang harus diambil kira demi menjayakan kajian tersebut. Kajian yang bakal dijalankan memfokuskan tentang kaedah pelestarian adat dan perayaan Masyarakat sub-etnik Baba Nyonya terutama sekali di Georgetown, Pulau Pinang. Pengkaji telah menerangkan secara umum tentang pendekatan dan kaedah-kaedah yang akan digunakan sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan di kawasan kajian yang telah dipilih.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab empat membincangkan hasil kajian mengenai Upacara Peralihan (Rites of Passage) Masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Hasil kajian ini dikumpul melalui borang soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Kajian ini membincangkan mengenal pasti ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan / *rite of passage* etnik Baba Nyonya, mengkaji penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya dan menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan/ *rite of passage* kaum Baba Nyonya.

Pengkaji telah menjalankan temu bual dan soal selidik bagi menyokong kajian ini. Dalam temu bual yang dijalankan, seorang informan utama, iaitu Naib Pengerusi Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang, telah ditemu bual bagi mendapatkan pandangan mendalam mengenai topik kajian. Data yang diperoleh dianalisis melalui transkripsi temu bual bagi memastikan ketepatan maklumat yang dikumpulkan. Selain itu, soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 180 responden melalui platform *Google Forms*. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data secara lebih meluas dan efisien, sekaligus memberikan gambaran menyeluruh mengenai pandangan responden terhadap isu yang dikaji.

Borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada tiga bahagian utama. Bahagian pertama, iaitu Bahagian A, merangkumi maklumat demografi responden bagi memperoleh latar belakang mereka yang terlibat dalam kajian ini. Bahagian B pula menumpukan kepada tahap penerimaan generasi muda terhadap upacara peralihan (*rites of passage*) dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Akhir sekali, Bahagian C membincangkan pandangan generasi muda mengenai kepentingan upacara peralihan serta persepsi mereka terhadap peranan tradisi ini dalam mengekalkan warisan budaya. Data yang diperoleh daripada temu bual bersama informan utama dan borang soal selidik akan menggunakan kaedah menganalisis secara tematik.

4.1 Sejarah Perdagangan Baba Nyonya

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan melalui kaedah temu bual bersama dengan Baba Micheal Cheah, dapat dipastikan tentang sejarah kewujudan masyarakat Baba Nyonya di negeri Pulau Pinang. Baba Micheal mengatakan bahawa;

My ancestors were all from China. We are traders from China. We bring to Southeast Asia silk from China, tea from China, and porcelain from China. These are the three main exports. These three items are in wide demand not only in Southeast Asia but around the world. (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Nenek moyang saya semuanya berasal dari China. Kami adalah pedagang dari China. Kami membawa ke Asia Tenggara sutera dari China, teh dari China, dan porselin dari China. Ini adalah tiga eksport utama. Ketiga-tiga barangan ini mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja di Asia Tenggara tetapi juga di seluruh dunia.]

Melalui penerangan yang diutarakan oleh Baba Micheal, moyang beliau merupakan pedagang daripada China yang singgah ke Tanah Melayu pada masa itu untuk tujuan berdagang. Menurut Zakaria et, al, (2017), pada abad ke-18 pedagang-pedagang daripada China pada mulanya tidak mempunyai niat untuk berkahwin dengan wanita tempatan semasa menjalankan aktiviti perdagangan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun mereka mengambil keputusan tersebut agar isteri mereka dapat menguruskan perniagaan atau menjaga barangan dagangan semasa mereka kembali ke China untuk mendapatkan barang dagangan baharu untuk didagangkan. Anak-anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan campur antara pedagang Cina dengan wanita tempatan menjadi asas utama kewujudan masyarakat Baba Nyonya di Tanah Melayu. Selain itu, anak-anak lelaki daripada perkahwinan ini juga digalakkan untuk meneruskan tradisi dengan mengahwini wanita tempatan. Walau bagaimanapun, anak-anak perempuan daripada hasil perkahwinan campuran ini tidak dibenarkan berkahwin dengan lelaki tempatan dan hanya boleh berkahwin dengan pedagang dari China sahaja.

Terdapat tiga jenis barangan utama yang diperdagangkan oleh masyarakat Cina pada ketika itu iaitu kain sutera, teh dan juga porselin yang merupakan sejenis bahan yang diperbuat daripada campuran tanah liat, kuarza dan lain-lain. Bahan ini kemudiannya dipanaskan sehingga bahan campuran itu berubah warna kepada putih serta mengeras dan lincin yang selalu digunakan sebagai perkakas dapur atau tembikar (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2017). Ini kerana, bahan-bahan ini merupakan bahan yang memiliki permintaan yang tinggi pada masa itu.

4.2 Jenis Upacara Peralihan

Semasa sesi temu bual dijalankan, Baba Micheal menjelaskan bahawa kebanyakan ritual atau upacara peralihan yang dilaksanakan oleh masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang tidak lagi diamalkan oleh generasi kini. Walau bagaimanapun, Baba Micheal menekankan bahawa terdapat dua jenis upacara peralihan yang masih lagi diamalkan hingga ke hari ini iaitu upacara adat perkahwinan dan juga '*Mua Guek*' iaitu upacara sambutan bayi yang berusia satu bulan.

4.2.1 Upacara '*Mua Guek*'

Dalam adat masyarakat Baba Nyonya, '*mua*' bermaksud sempurna atau penuh, manakala '*guek*' bermaksud bulan. Sambutan ini diadakan apabila bayi yang dilahirkan dalam sebuah keluarga Baba Nyonya mencapai usia satu bulan. Ahli keluarga akan menyediakan hadiah atau makanan kepada bayi tersebut seperti meraikan hari lahir. Perayaan ini diadakan untuk menunjukkan rasa syukur dengan kelahiran bayi yang sihat.

Dalam masyarakat Melayu, upacara kelahiran yang mempunyai persamaan dengan upacara *Mua Guek* bagi masyarakat Baba Nyonya adalah upacara aqiqah. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) aqiqah didefinisikan sebagai upacara penyembelihan binatang ternakan seperti lembu dan kambing yang dilakukan setelah kelahiran sebagai tanda kesyukuran kepada Allah S.W.T. Tidak seperti upacara *Mua Guek* di mana upacara ini dilakukan setelah bayi berusia satu bulan, upacara aqiqah diadakan pada hari ketujuh kelahiran bayi yang baru lahir. Walau bagaimanapun tujuan pelaksanaan *Mua Guek* dan aqiqah adalah sama iaitu untuk melahirkan rasa syukur ibu bapa kerana telah dikurniakan cahaya mata.

Setiap bahagian atau bahan yang diletakan di dalam pinggan semasa upacara *Mua Guek* seperti di dalam rajah di atas mempunyai makna simboliknya yang tersendiri seperti yang tertera pada jadual 4.1:

Jadual 4.1 Senarai bahan yang digunakan semasa sambutan *Mua Guek* dan makna simbolik

Bil.	Bahan	Makna Simbolik
1.	Telur rebus berwarna merah	Melambangkan kehidupan baru.
2.	Buah pic	Melambangkan keabadian, juga melambangkan jantina bayi sebagai bayi perempuan.
3.	Nasi kunyit atau pulut kuning	Melambangkan kekayaan.
4.	Kura-kura	Melambangkan kesihatan yang bagus dan umur yang panjang.
5.	Bebola merah	Melambangkan jantina bayi sebagai bayi lelaki.
6.	Kari ayam	Menunjukkan adanya percampuran budaya Melayu dalam kehidupan Baba Nyonya.

Jadual 4.1 menunjukkan jenis-jenis bahan yang diberikan oleh kenalan terdekat kepada keluarga yang baru sahaja menimang cahaya mata beserta simboliknya dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Telur yang telah direbus bersama pewarna merah melambangkan kehidupan baru dalam keluarga yang baru mendapat cahaya mata. Buah pic pula membawa dua maksud yang berbeza semasa pemberian *Mua Guek* simbolik yang pertama adalah untuk melambangkan keabadian dalam kehidupan dan yang kedua adalah melambangkan bayi yang dilahirkan adalah bayi perempuan. Manakala, bebola merah melambangkan jantina bayi yang dilahirkan adalah bayi lelaki. Nasi kunyit atau pulut kuning membawa maksud kekayaan dalam kehidupan. Kuih yang berbentuk kura-kura pula melambangkan kesihatan yang baik dan umur

yang panjang. Akhir sekali, kari ayam menunjukkan adanya percampuran budaya Melayu dalam kehidupan masyarakat Baba Nyonya.

Masyarakat Baba Nyonya percaya bahawa setiap individu yang lahir di dunia dilahirkan bersama dengan sepasang kembar. Justeru, bahan-bahan yang digunakan bagi sambutan *Mua Gek* juga perlu mempunyai dua bahan yang sama. Selain itu, jika seseorang individu tersebut sudah berkahwin, perkahwinan tersebut adalah salah satu cara penyatuan dengan kembar yang ditakdirkan kepada individu tersebut.

Perayaan *Mua Guek* merupakan salah satu platform bagi ibu bapa mengumumkan jantina bayi yang telah dilahirkan kepada keluarga dan rakan-rakan terdekat. Set *Mua Guek* akan diberikan kepada rakan-rakan serta keluarga yang terdekat. Sekiranya bayi yang dilahirkan merupakan bayi lelaki, maka set *Mua Guek* mempunyai dua bebola merah. Manakala, bayi perempuan akan disertakan dengan dua biji kuih berbentuk buah pic. Walau bagaimanapun, sekiranyaibu melahirkan anak kembar yang berlainan jantina, set *Mua Guek* akan mempunyai kedua-dua bebola merah dan kuih berbentuk buah pic.

Individu yang mendapat set *Mua Guek* daripada ibu bapa bayi yang diraikan kemudiannya hendaklah memberikan balasan kepada ibu bapa bayi sebagai tanda ucapan tahniah kepada mereka. Selalunya pemberian ini berupa dalam bentuk wang atau *ang pao*. Wang yang diberikan di dalam sampul duit berwarna merah juga mestilah berisi dua not wang kertas yang sama nilainya. Selain daripada *ang pao*, rakan-rakan terdekat serta keluarga kepada ibu bapa bayi tersebut hendaklah memberikan mereka bihun, gula batu dan benang merah. Kesemua bahan tersebut juga hendaklah diberikan mengikut kuantiti yang sama iaitu dua.

...must have two pieces, not one piece, two pieces of everything. Must be in two white vermicelli, two pieces gula batu and then the centre, they're red string. Red string, it means like a figure eight. So eight means prosperity. Everything got meaning, the first item will be the ang pao with two pieces of notes to congratulate the new mother. The second thing will be the vermicelli

right in the center of the plate with red string. The third item would be the gula batu to wish the baby a sweet life. Long and healthy life (Baba Micheal, Temu bual, 11 November 2024)

[...mesti ada dua keping, bukan satu keping, tetapi dua keping untuk setiap benda. Mesti ada dalam dua keping bihun putih, dua ketul gula batu, dan di tengahnya, ada tali merah. Tali merah ini membentuk seperti angka lapan. Angka lapan melambangkan kemakmuran. Setiap benda ada maknanya. Barang pertama ialah ang pao dengan dua keping wang kertas untuk mengucapkan tahniah kepada ibu yang baru bersalin. Barang kedua ialah bihun yang diletakkan di tengah pinggan dengan tali merah. Barang ketiga ialah gula batu untuk mendoakan bayi mendapat kehidupan yang manis, panjang, dan sihat.]

Menurut Baba Micheal, setiap pemberian daripada keluarga ataupun rakan terdekat ibu bapa kepada bayi tersebut juga membawa maknanya yang tersendiri. Pemberian *ang pao* adalah untuk menzahirkan ucapan tahniah kepada ibu yang baru melahirkan anak. Bihun atau *vermicelli* melambangkan kehidupan yang panjang. Benang atau tali merah melambangkan kemakmuran dalam kehidupan bayi yang dilahirkan. Manakala, gula batu melambangkan kehidupan yang baik seperti mempunyai kemewahan dan rezeki yang melimpah termasuklah kesihatan yang baik sepanjang kehidupan bayi tersebut.

4.2.2 Upacara Perkahwinan

Upacara perkahwinan bagi komuniti Baba Nyonya merupakan sebuah upacara utama dan penting bagi semua ahli komuniti tersebut. Upacara ini menandakan bahawa seseorang individu tersebut sudah mencapai alam dewasa dan mampu berdikari. Masyarakat Baba Nyonya menerapkan kepelbagaian budaya dalam upacara perkahwinan kerana kepelbagaian latar belakang dan sejarah mereka. Menurut Baba Michael,

The marriage of the Baba Nyonya included not just Chinese rituals and costumes. It includes Malay rituals and costumes. The first day of marriage, we wear Chinese costumes. The third day, the bride will wear Malay costumes. Songket sarong, baju panjang and the

jewelry is all Malay. The groom is wearing Western clothes. Chinese clothes, Malay clothes, and Western clothes. That's the uniqueness of the Baba Nyonya culture. Though they retain their religion and beliefs, they incorporate parts of other religions and social beliefs. It makes it very harmonious and they understand each other.

(Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Perkahwinan Baba Nyonya bukan sahaja merangkumi ritual dan pakaian Cina, tetapi juga ritual dan pakaian Melayu. Pada hari pertama perkahwinan, kami memakai pakaian Cina. Pada hari ketiga, pengantin perempuan akan memakai pakaian Melayu—sarung songket, baju panjang, dan perhiasan semuanya bercirikan Melayu. Pengantin lelaki pula memakai pakaian Barat. Pakaian Cina, pakaian Melayu, dan pakaian Barat—itulah keunikan budaya Baba Nyonya. Walaupun mereka mengekalkan agama dan kepercayaan mereka, mereka turut menggabungkan unsur-unsur daripada agama lain serta kepercayaan sosial. Ini menjadikannya sangat harmoni dan membantu mereka memahami satu sama lain.]

Melalui dapatan yang diperoleh semasa sesi temu bual dijalankan, upacara perkahwinan Baba Nyonya bukan sahaja menerapkan elemen adat masyarakat Cina tetapi adat serta pakaian tradisional masyarakat Melayu juga diterapkan. Secara tradisinya, pada hari pertama perkahwinan diadakan, kedua mempelai akan mengenakan pakaian tradisional masyarakat Cina yang dikenali sebagai *kuah* ataupun baju panjang bagi pengantin perempuan dan baju *lokchuan* bagi pengantin lelaki. Kedua-dua jenis pakaian ini mempunyai motif halus yang terdiri daripada motif bunga peoni, burung jenjang, itik mandarin atau burung garuda atau *phoenix*. Kemudian, pada hari ketiga, pengantin perempuan akan meragakan pakaian tradisional masyarakat Melayu iaitu baju kebaya dan pengantin lelaki akan mengenakan pakaian barat seperti baju suit.



Rajah 4.2 Gambar pakaian pengantin lelaki dan perempuan pada hari pertama perkahwinan.

Sumber: *Peranakan Mansion Museum, Pulau Pinang*

Budaya Baba Nyonya menunjukkan keunikan yang tersendiri walaupun mereka mengekalkan agama dan kepercayaan tradisional masing-masing. Masyarakat Baba Nyonya turut mengintegrasikan elemen-elemen dari adat lain serta kepercayaan sosial yang wujud dalam masyarakat sekeliling. Fenomena ini mencerminkan sikap keterbukaan dan toleransi yang tinggi dan seterusnya mewujudkan suatu bentuk keharmonian sosial yang mendalam. Melalui pendekatan ini, masyarakat Baba Nyonya bukan sahaja dapat mengekalkan identiti budaya mereka tetapi juga mampu memahami dan menghormati amalan serta kepercayaan komuniti lain.

MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 Upacara Kematian

Selain daripada dua upacara utama yang masih lagi diamalkan, masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang juga mempunyai upacara kematian. Walaupun kebanyakan upacara dan budaya masyarakat Baba Nyonya sudah kurang diamal dan dilaksanakan pada masa kini disebabkan faktor agama, upacara kematian dalam masyarakat ini mengandungi campuran budaya yang diambil daripada adat Cina dan adat Melayu. Walau bagaimanapun, upacara ini lebih dipengaruhi oleh adat yang diamalkan oleh masyarakat Cina. Upacara kematian berfungsi sebagai salah satu cara ahli keluarga dan sahabat terdekat memberikan penghormatan yang terakhir kepada si mati.

The mourning phase in Baba Nyonya customs lasts for three years. The first year we only wear black or white clothes. Then the second year we wear blue and the third year we'll wear all green. (Baba Micheal, Temu bual, 11 November 2024)

[Tempoh berkabung dalam adat Baba Nyonya berlangsung selama tiga tahun. Pada tahun pertama, kami hanya memakai pakaian hitam atau putih. Kemudian, pada tahun kedua, kami memakai warna biru, dan pada tahun ketiga, kami akan memakai warna hijau sepenuhnya.]

Upacara kematian dalam masyarakat Baba Nyonya mengambil masa selama tiga tahun. Pada tahun pertama kematian, kaum keluarga dan sahabat handai akan memakai pakaian yang berwarna hitam atau putih. Pakaian ini menunjukkan bahawa ahli keluarga dan rakan terdekat sedang berkabung dan meratapi pemergian si mati. Pada tahun kedua, keluarga si mati akan memakai pakaian berwarna biru dan pada tahun ketiga kematian, keluarga si mati akan memakai pakaian yang berwarna hijau seperti dalam Rajah 4.3. Walaupun warna biru dan hijau bukanlah warna khusus untuk berkabung dalam masyarakat Baba Nyonya, kedua-dua warna ini dianggap sesuai untuk upacara kematian atau berkabung oleh sebab warna-warna tersebut tidak terlalu cerah seperti warna merah (Tan, 1988).



Rajah 4.3 Kain batik hijau dan biru yang dipakai semasa tahun kedua dan ketiga kematian berlaku dalam keluarga Baba Nyonya.

(Sumber: *Peranakan Mansion Museum, Pulau Pinang***)**

4.3 Pandangan generasi muda berkaitan upacara peralihan (*rites of passage*) masyarakat Baba Nyonya.

Dapatan kajian ini diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkat dalam talian menggunakan laman *Google Form*.. Borang ini disalurkan kepada Baba Micheal Cheah dan kemudiannya diedarkan kepada generasi muda iaitu ahli Persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang. Tujuan borang soal selidik ini diedarkan adalah untuk mengetahui pendapat serta pandangan generasi muda serta tahap penglibatan mereka dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A (Demografi Responden), bahagian B (Penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya di Pulau Pinang) dan bahagian C (Pendapat generasi muda mengenai upacara peralihan di Pulau Pinang).

4.3.1 Demografi Responden

Jadual 4.2. Jantina responden

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	93	51.7
Perempuan	87	48.3
Jumlah	180	100

Jadual 4.2 menunjukkan demografi jantina responden yang terlibat dalam kajian ini. Data ini diperoleh daripada borang soal selidik yang telah disediakan melalui platform *Google Forms*. Berdasarkan analisis, sebahagian besar jawapan borang soal selidik ini dijawab oleh responden lelaki iaitu sebanyak 51.7% daripada jumlah keseluruhan responden yang diterima. Jumlah ini bersamaan dengan 93 orang daripada 180 orang responden yang menjawab soalan kaji selidik ini.

Manakala, jumlah responden wanita adalah sebanyak 87 orang yang mewakili 48.3% daripada jumlah keseluruhan responden yang diterima. Walaupun perbezaan nisbah antara responden lelaki dan wanita tidak begitu ketara, ia memberikan pandangan yang penting tentang penglibatan jantina dalam kajian ini.

Jadual 4.3. Umur responden
Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
19 tahun ke bawah	51	28.3
20 hingga 29	60	33.3
30 hingga 39	36	20
40 hingga 44	33	18.3
Jumlah	180	100

Jadual 4.3 mewakili umur responden yang telah mengambil bahagian dalam menjawab soalan borang soal selidik secara talian. Umur di antara 20 hingga 29 menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 33.3% atau sebanyak 60 orang responden.

Seterusnya, bilangan kedua tertinggi yang dicatat adalah daripada responden yang berusia 19 tahun ke bawah iaitu seramai 51 orang bersamaan dengan 28.3% daripada jumlah keseluruhan responden. Selain itu, responden berusia dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun menjadi bilangan responden ketiga tertinggi iaitu sebanyak 20% atau 36 orang daripada keseluruhan responden manakala, umur dalam lingkungan 40 hingga 44 tahun menjadi responden minoriti dalam hasil dapatan iaitu mewakili 33 orang responden atau sebanyak 18.3% daripada jumlah keseluruhan responden yang menjawab soalan borang soal selidik yang telah disebarkan kepada ahli persatuan Peranakan Cina Pulau Pinang.

Jadual 4.4. Pekerjaan responden**Sumber:** Kajian Lapangan (2025)

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus (%)
Pelajar	67	37.2
Kerajaan	17	9.4
Swasta	52	28.9
Bekerja sendiri	33	18.3
Tidak bekerja	11	6.1
Jumlah	180	100

Jadual 4.4 menunjukkan skop pekerjaan responden Baba Nyonya di Pulau Pinang. Majoriti daripada responden merupakan pelajar dengan jumlah sebanyak 40.6% iaitu sebanyak 67 orang daripada 180 orang responden. 31.5% daripada responden merupakan pekerja dalam sektor swasta iaitu seramai 52 orang. Jumlah responden yang bekerja dalam sektor ini merupakan jumlah kedua tertinggi dalam aspek pekerjaan selepas daripada pelajar. Seramai 33 orang responden iaitu 18.3% daripada jumlah keseluruhan responden yang menjawab borang soal selidik di laman sesawang *Google Forms* bekerja sendiri. Seterusnya, bagi individu yang bekerja di bawah jabatan kerajaan yang menjawab borang soal selidik adalah sebanyak 9.4% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini bersamaan dengan 17 orang daripada 180 orang responden. Kumpulan minoriti bagi aspek ini adalah kumpulan individu tidak bekerja iaitu sebanyak 6.1% bersamaan dengan 11 orang responden daripada jumlah keseluruhan responden.

4.3.2 Penerimaan Generasi Muda Terhadap Upacara Peralihan (*Rites of Passage*).

I. Apakah anda mengetahui tentang ritual atau upacara peralihan dalam budaya Baba Nyonya?

Jadual 4.5. Pengetahuan mengenai upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Apakah anda mengetahui tentang ritual atau upacara peralihan dalam budaya Baba Nyonya?	
Perkara	Jumlah
Ya	139
Tidak	41
Jumlah Keseluruhan	180

Jadual 4.5 merujuk kepada pengetahuan generasi muda mengenai upacara peralihan yang diamalkan dalam budaya Baba Nyonya menunjukkan bahawa daripada jumlah keseluruhan responden berjumlah 180 orang, 139 daripada mereka mengakui bahawa mereka mengetahui ritual atau upacara yang diamalkan dalam komuniti mereka di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun sebahagian kecil daripada mereka iaitu seramai 41 orang dalam komuniti ini menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui akan ritual atau upacara peralihan yang masih lagi diamalkan oleh kebanyakan individu dari dalam komuniti ini.

II. Adakah anda pernah mengambil bahagian dalam atau menghadiri upacara peralihan etnik Baba Nyonya?

Jadual 4.6. Penglibatan diri dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Adakah anda pernah mengambil bahagian dalam atau menghadiri upacara peralihan etnik Baba Nyonya?	
Perkara	Jumlah
Ya	80
Tidak	100
Jumlah Keseluruhan	180

Merujuk kepada jadual 4.6, majoriti daripada responden iaitu sebanyak 100 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengambil bahagian atau menghadiri upacara peralihan etnik Baba Nyonya. Menurut Mohamad et, al (2016), generasi muda kini kurang mengamalkan tradisi terdahulu oleh sebab terpengaruh dengan perkembangan dunia luar seperti sibuk belajar, sibuk bekerja, dan menganggap bahawa amalan tradisi sebagai suatu perkara yang sudah ketinggalan zaman dan kolot. Manakala, seramai 80 orang daripada 180 responden menyatakan bahawa mereka pernah menyertai upacara ini. Ini menunjukkan bahawa wujudnya kelompok kecil yang masih lagi mengamalkan upacara peralihan ini dalam kalangan keluarga atau komuniti terdekat.

Berdasarkan jadual di atas, dapat digambarkan bahawa tidak semua individu dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang terlibat dalam upacara peralihan masyarakat ini. Namun, masih ada sebilangan kecil daripada mereka yang masih meneruskan adat dan mengekalkan warisan budaya tidak ketara ini.

III. Berapakah kekerapan anda mengambil bahagian atau menghadiri upacara peralihan etnik Baba Nyonya?

Jadual 4.7. Kekerapan penglibatan dalam upacara peralihan

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Berapakah kekerapan anda mengambil bahagian atau menghadiri upacara peralihan etnik Baba Nyonya?	
Perkara	Nilai
Purata	3.63
Sisihan Piawai	1.42

Merujuk kepada dapatan daripada Jadual 4.7 di atas, majoriti daripada 180 orang responden iaitu dengan nilai purata 3.63 menyatakan bahawa mereka sering melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam upacara peralihan yang diadakan dalam kalangan komuniti mereka di Pulau Pinang. Nilai purata ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden menghadiri upacara peralihan dengan kekerapan yang agak tinggi, menunjukkan bahawa upacara tersebut memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial mereka. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil daripada responden, seperti yang dinyatakan oleh nilai sisihan piawaian 1.42, yang tidak melibatkan diri atau menghadiri upacara peralihan (*rites of passage*) yang dijalankan. Sisihan piawaian yang tinggi ini menunjukkan adanya variasi yang besar dalam penglibatan responden, dengan sebahagian daripada mereka mungkin kurang berminat atau tidak mempunyai kesempatan untuk mengambil bahagian dalam upacara tersebut. Faktor-faktor seperti perubahan gaya hidup, kekangan masa, atau perbezaan dalam kepercayaan dan penghayatan terhadap tradisi mungkin mempengaruhi tahap penglibatan dalam upacara peralihan ini.

IV. Sejauh mana anda faham tentang maksud dan tujuan setiap langkah dalam upacara peralihan etnik Baba Nyonya?

Jadual 4.8. Kefahaman tentang maksud dan tujuan upacara peralihan etnik Baba Nyonya

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Sejauh mana anda faham tentang maksud dan tujuan setiap langkah dalam upacara peralihan etnik Baba Nyonya?	
Perkara	Nilai
Purata	3.26
Sisihan Piawai	1.32

Jadual 4.8 menunjukkan dapatan berkaitan kefahaman mengenai maksud dan tujuan setiap langkah dalam upacara peralihan (rites of passage) masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Majoriti daripada jumlah keseluruhan responden yang menjawab borang soal selidik, iaitu dengan nilai purata sebanyak 3.26, menyatakan bahawa mereka memahami maksud dan langkah-langkah dalam setiap upacara peralihan yang diamalkan dalam masyarakat Baba Nyonya. Nilai purata ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pemahaman yang baik mengenai upacara peralihan ini, yang menunjukkan kesedaran dan pengetahuan yang mendalam terhadap tradisi dan adat yang diamalkan oleh masyarakat mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil daripada jumlah keseluruhan responden yang menyatakan mereka tidak faham akan maksud dan langkah yang terdapat dalam upacara peralihan yang diamalkan. Ini sejajar dengan nilai sisihan piawaian 1.32, yang menunjukkan bahawa terdapat variasi dalam tahap kefahaman responden terhadap upacara tersebut. Sisihan piawaian yang agak tinggi ini mencerminkan perbezaan dalam pemahaman di kalangan individu, yang mungkin disebabkan oleh faktor seperti kurangnya pendedahan kepada upacara tersebut,

kurangnya pendidikan budaya dalam kalangan generasi muda, atau perbezaan dalam penghayatan terhadap tradisi tersebut.

V. Adakah anda merasa bahawa generasi muda dalam komuniti Baba Nyonya menerima dan mengamalkan nilai-nilai yang disampaikan melalui ritual peralihan ini?

Jadual 4.9 Penerimaan dan amalan nilai-nilai yang disampaikan melalui upacara peralihan generasi muda masyarakat Baba Nyonya

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Pendapat	Kekerapan	Peratus (%)
Ya	94	52.2
Tidak	86	47.8
Jumlah	180	100

Jadual 4.8 menunjukkan peratusan pendapat generasi muda masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang berkaitan dengan penerimaan dan amalan nilai-nilai yang disampaikan melalui upacara peralihan (*rites of passage*). Sebanyak 52.2%, iaitu 94 orang responden daripada jumlah keseluruhan responden, bersetuju bahawa generasi muda dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang menerima dan mengamalkan nilai-nilai yang disampaikan melalui upacara peralihan ini. Peratusan yang lebih daripada separuh ini mencerminkan bahawa ada pengiktirafan dan penghargaan terhadap pentingnya tradisi ini dalam kehidupan generasi muda dan bahawa mereka masih mengamalkan nilai-nilai yang terkandung dalam upacara tersebut.

Walau bagaimanapun, terdapat juga 47.8% daripada responden, iaitu seramai 86 orang responden, yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden berpendapat bahawa generasi muda kurang menerima atau mengamalkan nilai-nilai yang disampaikan melalui upacara peralihan ini. Keputusan ini mungkin

mencerminkan perubahan dalam minat, nilai, atau keutamaan generasi muda yang semakin terdedah kepada budaya moden, yang mengakibatkan berkurangnya penglibatan atau penghayatan terhadap tradisi budaya tersebut. Faktor-faktor seperti perubahan sosial, dan pengaruh media massa mungkin memberi kesan terhadap penerimaan dan pengamalan tradisi ini dalam kalangan generasi muda.

VI. Adakah anda rasa perlunya langkah-langkah untuk mempromosikan dan melestarikan upacara peralihan etnik Baba Nyonya di kalangan generasi muda?

Jadual 4.10 Keperluan perlaksanaan usaha promosi dan pelestarian upacara peralihan Baba Nyonya dalam kalangan generasi muda

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Adakah anda rasa perlunya langkah-langkah untuk mempromosikan dan melestarikan upacara peralihan etnik Baba Nyonya di kalangan generasi muda?	
Perkara	Nilai
Purata	2.14
Sisihan Piawai	0.67

Dapatan daripada Jadual 4.10 menunjukkan bahawa majoriti responden berpandangan "mungkin" terhadap keperluan langkah-langkah untuk mempromosikan dan melestarikan upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya dalam kalangan generasi muda. Ini dapat dilihat daripada nilai purata sebanyak 2.14, yang hampir kepada kategori "mungkin".

Walaupun kebanyakan responden menyatakan "mungkin", terdapat sebilangan kecil yang menyatakan "tidak". Sisihan piawai sebanyak 0.67 menunjukkan bahawa terdapat sedikit variasi dalam jawapan yang diberikan oleh responden, tetapi secara keseluruhan, majoriti cenderung kepada jawapan yang serupa.

4.3.3 Pendapat generasi muda mengenai upacara peralihan di Pulau Pinang

Jadual 4.11. Soalan mengenai pendapat generasi muda Masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

No	Pendapat generasi muda mengenai Upacara Peralihan Baba Nyonya di Pulau Pinang. (Kepentingan ritual.)	Purata	Sisihan Piawai
1	Terdapat cabaran atau halangan tertentu dalam mengajar dan memahami generasi muda tentang kepentingan upacara ritual Baba Nyonya	1.96	0.64
2	Membantu mengekalkan identiti dan tradisi unik kaum Baba Nyonya.	3.18	1.21
3	Generasi muda dapat belajar dan menghargai warisan budaya mereka.	3.07	1.25
4	Memperkuatkan ikatan dalam komuniti dan meningkatkan rasa kebersamaan.	3.06	1.29
5	Memastikan nilai dan adat resam diwariskan dari satu generasi ke generasi seterusnya.	3.05	1.25

I. Adakah terdapat cabaran atau halangan tertentu dalam mengajar dan memahami generasi muda tentang kepentingan upacara ritual Baba Nyonya?

Dapatan daripada Jadual 4.11 menunjukkan bahawa majoriti responden yang menjawab borang soal selidik berpendapat bahawa terdapat kemungkinan wujudnya cabaran atau halangan tertentu dalam usaha mengajar dan meningkatkan pemahaman generasi muda mengenai kepentingan upacara peralihan (rites of passage) dalam masyarakat Baba Nyonya. Hal ini dapat dilihat melalui nilai purata sebanyak 1.96.

Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan "tidak", menandakan ketidaksepakatan terhadap pernyataan tersebut. Sisihan piawai sebanyak 0.64 menunjukkan bahawa terdapat sedikit variasi dalam jawapan yang diberikan, dengan sebahagian kecil responden tidak bersetuju dengan pandangan majoriti.

II. Apakah pendapat anda mengenai pentingnya ritual ini dalam memelihara warisan budaya kaum Baba Nyonya?

Jadual 4.11 juga menunjukkan pendapat berkaitan dengan kepentingan upacara peralihan dalam memelihara warisan budaya masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Daripada jumlah keseluruhan responden, majoriti responden menjawab “neutral” bagi pernyataan membantu mengekalkan identiti dan tradisi unik kaum Baba Nyonya. Ini dapat dilihat daripada nilai purata sebanyak 3.18. Manakala, terdapat kelompok kecil daripada responden menjawab “sangat tidak setuju” bagi pernyataan yang diberikan. Ini dapat dilihat melalui nilai sisihan piawai sebanyak 1.21.

Bagi pernyataan kedua iaitu generasi muda dapat belajar dan menghargai warisan budaya mereka pula, majoriti daripada purata keseluruhan responden menjawab “neutral” iaitu dengan nilai purata sebanyak 3.07. Manakala nilai sisihan piawai bagi responden yang menjawab “sangat

tidak setuju” adalah sebanyak 1.25 daripada keseluruhan jawapan yang diterima melalui borang soal selidik yang disediakan.

Selain itu, jadual 4.11 juga menunjukkan keputusan majoriti bagi pernyataan memperkuat ikatan dalam komuniti dan meningkatkan rasa kebersamaan. Majoriti daripada responden memilih pilihan jawapan “setuju” bagi pernyataan tersebut dengan nilai purata sebanyak 3.06. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian kecil daripada jawapan yang diterima oleh pengkaji daripada responden menjawab “sangat tidak setuju” dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.29.

Bagi pernyataan terakhir berkaitan dengan pendapat generasi muda mengenai kepentingan upacara peralihan (*rites of passage*) di Pulau Pinang iaitu pernyataan; memastikan nilai dan adat resam diwariskan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Bagi pernyataan tersebut, seperti yang tertera pada jadual 4.9 mendapati bahawa majoriti responden menjawab “setuju” dan “neutral” dengan nilai purata sebanyak 3.06 iaitu bersamaan dengan 46 jawapan. Walau bagaimanapun, terdapat juga jawapan minoriti “sangat tidak setuju” tertera iaitu dalam nilai sisihan piawai sebanyak 1.25.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun terdapat kecenderungan responden untuk bersikap neutral terhadap kepentingan upacara peralihan dalam pemeliharaan warisan budaya Baba Nyonya, masih wujud perbezaan pandangan dalam kalangan mereka, seperti yang ditunjukkan oleh nilai sisihan piawai bagi setiap pernyataan.

III. Apakah pendapat anda mengenai peranan Pendidikan dalam memastikan generasi muda memahami dan menghargai warisan budaya ini?

Jadual 4.12. Pendapat generasi muda tentang peranan pendidikan dan penghargaan warisan dalam konteks upacara peralihan

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

No	Pendapat generasi muda mengenai Upacara Peralihan Baba Nyonya di Pulau Pinang (Peranan pendidikan dan penghargaan warisan).	Purata	Sisihan Piawai
1	Pendidikan membantu generasi muda menyedari nilai warisan budaya.	3.15	1.26
2	Pendidikan memastikan tradisi dan adat resam diteruskan.	3.12	1.28
3	Aktiviti seperti bengkel membantu pemahaman budaya secara langsung.	3.14	1.26
4	Pendidikan membentuk identiti dan rasa bangga terhadap budaya generasi muda.	3.15	1.22

Dapatan daripada Jadual 4.12 membincangkan pandangan responden mengenai peranan pendidikan dan penghargaan warisan dalam konteks upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Dalam kajian ini, sebanyak empat pernyataan telah dikemukakan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

Bagi pernyataan pertama, "Pendidikan membantu generasi muda menyedari nilai warisan budaya", majoriti responden memberikan jawapan "neutral", dengan nilai purata sebanyak 3.15, yang bersamaan dengan 49 orang responden. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak memberikan pandangan yang jelas sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan peranan pendidikan dalam meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap nilai warisan budaya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil responden yang memilih jawapan "sangat tidak setuju", yang mencerminkan pandangan bahawa pendidikan mungkin tidak memainkan peranan yang signifikan dalam menyedarkan generasi muda tentang kepentingan warisan budaya. Hal ini dapat dilihat melalui nilai sisihan piawai sebanyak 1.26, yang menunjukkan terdapat variasi dalam pendapat responden mengenai pernyataan ini. Dapatan ini mengisyaratkan bahawa walaupun pendidikan diakui sebagai salah satu faktor dalam pemeliharaan budaya, masih terdapat perbezaan pandangan mengenai keberkesanannya dalam memastikan generasi muda benar-benar memahami dan menghargai warisan budaya mereka.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa pernyataan "Pendidikan memastikan tradisi dan adat resam diteruskan" menerima respon majoriti dalam kategori "neutral", dengan nilai purata sebanyak 3.12. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden tidak memberikan pendirian yang tegas sama ada bersetuju atau tidak bersetuju terhadap peranan pendidikan dalam memastikan kelangsungan tradisi dan adat resam masyarakat Baba Nyonya.

Namun, terdapat sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan "sangat tidak setuju", yang dikategorikan sebagai kumpulan minoriti dalam kajian ini. Nilai sisihan piawai yang direkodkan bagi jawapan ini adalah sebanyak 1.28, yang menunjukkan terdapat sedikit variasi dalam pandangan responden terhadap peranan pendidikan dalam pemeliharaan warisan budaya. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa meskipun pendidikan dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam pemindahan tradisi, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan responden mengenai sejauh mana keberkesanannya dalam memastikan adat resam terus diamalkan oleh generasi akan datang.

Seterusnya, bagi pernyataan ketiga, "Aktiviti seperti bengkel membantu pemahaman budaya secara langsung", majoriti responden memberikan jawapan "setuju", dengan nilai purata sebanyak 3.14. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa program berbentuk bengkel atau aktiviti interaktif memainkan peranan penting dalam meningkatkan pemahaman generasi muda terhadap budaya Baba Nyonya. Pendekatan ini mungkin

dilihat sebagai lebih berkesan kerana ia memberikan pengalaman langsung dan praktikal dalam memahami warisan budaya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Jawapan "sangat tidak setuju" direkodkan sebagai jawapan minoriti, dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.26. Variasi dalam jawapan soal selidik ini mungkin menunjukkan bahawa sesetengah individu merasakan bahawa bengkel dan aktiviti seumpamanya tidak mencukupi atau kurang berkesan dalam menyampaikan kefahaman budaya yang mendalam. Perbezaan ini boleh disebabkan oleh faktor seperti tahap pendedahan responden terhadap aktiviti budaya, keberkesanan pelaksanaan bengkel, atau pengalaman peribadi mereka dalam menghadiri program-program berkaitan.

Akhir sekali, bagi pernyataan keempat, "Pendidikan membentuk identiti dan rasa bangga terhadap budaya generasi muda", dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memilih jawapan "setuju", dengan nilai purata sebanyak 3.15. Dapatan ini mencerminkan persepsi bahawa pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran identiti budaya serta meningkatkan rasa bangga dalam kalangan generasi muda terhadap warisan mereka. Ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan, sama ada formal atau tidak formal, dilihat sebagai salah satu faktor utama dalam memastikan kelangsungan budaya masyarakat Baba Nyonya.

Namun begitu, terdapat sebilangan kecil responden yang memilih jawapan "sangat tidak setuju", dengan nilai sisihan piawai sebanyak 1.22. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan responden mengenai keberkesanan pendidikan dalam membentuk identiti budaya. Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor seperti kurangnya integrasi budaya dalam kurikulum pendidikan, pengaruh globalisasi yang mengubah keutamaan generasi muda, atau kurangnya pendedahan terhadap budaya tradisional dalam kehidupan seharian mereka.

4.4 Langkah melestarikan ritual dalam upacara peralihan Masyarakat Baba Nyonya

Dalam usaha melestarikan ritual dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya, adalah penting untuk memahami nilai dan makna yang terkandung dalam setiap amalan tradisional mereka. Masyarakat Baba Nyonya, yang merupakan gabungan budaya Cina dan Melayu, memiliki pelbagai ritual yang kaya dengan simbolisme dan sejarah. Upacara peralihan seperti perkahwinan dan kematian bukan sahaja mencerminkan kepercayaan dan adat resam mereka, tetapi juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ikatan sosial dan keluarga. Dalam konteks ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka langkah-langkah yang diambil oleh masyarakat Baba Nyonya untuk memastikan bahawa ritual-ritual ini tidak hanya dipelihara tetapi juga diadaptasi agar relevan dengan generasi muda. Dengan mengambil kira cabaran modernisasi dan perubahan sosial, pelestarian ritual ini adalah kunci untuk mengekalkan identiti budaya mereka serta memastikan warisan nenek moyang terus hidup dalam kalangan generasi akan datang.

Antara langkah yang boleh diambil untuk melestarikan upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang adalah dengan menganjurkan majlis atau acara yang menampilkan elemen budaya tersebut. Sebagai contoh, majlis perkahwinan bertemakan Baba Nyonya boleh diketengahkan sebagai satu pendekatan untuk mempromosikan dan menghidupkan semula tradisi yang semakin dilupakan.

Melalui penganjuran majlis perkahwinan tradisional Baba Nyonya, masyarakat, khususnya generasi muda, dapat menyaksikan dan memahami secara langsung adat serta ritual yang berkaitan dengan perkahwinan dalam komuniti ini. Unsur-unsur seperti pemakaian busana tradisional, penggunaan bahasa Baba Nyonya, hidangan khas serta amalan adat yang diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya yang kurang diketahui boleh diperkenalkan semula dalam majlis tersebut. Majlis yang dianjurkan juga hendaklah menjemput mereka yang arif akan upacara peralihan yang ini diketengahkan;

...I did Baba Weddings, for four days and two nights. and then at five different venues. Because I know all the steps. Step one, step two, step three, step four. (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[... saya mengendalikan Perkahwinan Baba selama empat hari dan dua malam di lima lokasi berbeza. Ini kerana saya mengetahui semua langkahnya – langkah pertama, langkah kedua, langkah ketiga, dan langkah keempat.]

Oleh sebab upacara peralihan merupakan suatu acara yang jarang-jarang dikenali oleh orang ramai dan mempunyai peraturan yang rumit, maka majlis atau upacara seperti ini memerlukan mereka yang arif akan selok-belok sesuatu adat yang ingin diperkenalkan. Baba Micheal sendiri menjelaskan bahawa beliau pernah mengendalikan upacara perkahwinan Baba Nyonya di lima tempat yang berbeza. Ini kerana, beliau merupakan seorang yang mahir dan teliti akan setiap perkara yang harus dilakukan dalam memastikan upacara tersebut berlangsung dengan cara yang penuh dengan adat dan tradisi.

Selain daripada penganjuran majlis atau upacara peralihan, ibu bapa turut memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan tradisi ini agar tidak ditelan zaman. Sebagai individu yang paling dekat dengan anak-anak, ibu bapa berperanan sebagai pendidik utama dalam memperkenalkan dan menerapkan nilai-nilai budaya Baba Nyonya dalam kehidupan seharian.

Salah satu cara ibu bapa boleh melestarikan upacara peralihan ialah dengan mendedahkan anak-anak kepada adat dan amalan tradisional sejak kecil. Sebagai contoh, pada zaman dahulu, ibu memainkan peranan yang penting dalam memastikan ilmu berkaitan adat istiadat masyarakat Baba Nyonya diterima oleh anak perempuannya.

The mother taught them (the daughter) to cook. This would prepare them for their life after marriage. A good girl, a good wife, will strengthen the family name, (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Ibu mengajar mereka (anak perempuan) memasak. Ini akan mempersiapkan mereka untuk kehidupan selepas berkahwin. Seorang gadis yang baik, seorang isteri yang baik, akan mengukuhkan nama keluarga.]

Baba Michael menjelaskan bahawa pada masa dahulu, ibu dalam keluarga Baba Nyonya memainkan peranan penting dalam mendidik anak perempuan mereka, khususnya dalam aspek penyediaan makanan tradisional. Lazimnya, ibu akan mengajarkan anak perempuan mereka memasak hidangan yang sering dinikmati oleh masyarakat Baba Nyonya.

Tujuan utama amalan ini adalah untuk mempersiapkan anak perempuan dalam menjalani kehidupan berumah tangga, sejajar dengan kepercayaan bahawa kebolehan memasak merupakan salah satu ciri penting dalam menentukan kesejahteraan sesebuah keluarga. Dalam konteks masyarakat Baba Nyonya yang sangat menitikberatkan peranan wanita dalam mengurus rumah tangga, kemahiran memasak bukan sekadar keperluan harian, tetapi juga melambangkan kesopanan, kepandaian, dan nilai murni yang diwarisi turun-temurun.

In those days, they were not given education. The girls, they went to school up to the age of standard six, then they were taught to do housechores. Then, they stayed at home. (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Pada zaman dahulu, mereka tidak diberikan pendidikan. Anak-anak perempuan bersekolah sehingga darjah enam sahaja, kemudian mereka diajar melakukan kerja-kerja rumah. Selepas itu, mereka hanya tinggal di rumah.]

Baba Michael turut menjelaskan bahawa pada zaman dahulu, kaum wanita dalam masyarakat Baba Nyonya hanya menerima pendidikan sehingga usia 12 tahun, bersamaan dengan tahap Darjah Enam dalam sistem persekolahan pada masa kini. Setelah mencapai usia tersebut, mereka akan diberhentikan daripada sekolah dan kembali ke rumah untuk menjalani kehidupan sebagai suri rumah dalam latihan, di bawah bimbingan ibu mereka.

Dalam tempoh ini, anak-anak perempuan diajar cara mengurus rumah tangga, termasuk memasak makanan tradisional, menjahit, mengemas rumah, dan menjaga adab sopan sebagai persediaan untuk menjalani kehidupan berkeluarga. Pendidikan yang diterima oleh kaum wanita

pada masa itu lebih bersifat praktikal dan berorientasikan kehidupan domestik, berbeza dengan kaum lelaki yang diberi peluang melanjutkan pelajaran dan terlibat dalam aktiviti ekonomi.

Keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi penyebaran pengetahuan berkaitan adat istiadat dan upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya. Disebabkan pendidikan formal mereka terhenti pada usia muda, proses pemindahan ilmu berkaitan warisan budaya lebih bergantung kepada interaksi dalam lingkungan keluarga, khususnya antara ibu dan anak perempuan.

4.5 Perubahan dalam pelaksanaan ritual

Perubahan dalam pelaksanaan ritual dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya merupakan satu fenomena yang mencerminkan dinamik budaya dalam menghadapi arus pemodenan dan globalisasi. Perubahan ini berlaku apabila generasi muda semakin kurang mengamalkan adat resam tradisional, sama ada disebabkan oleh perubahan gaya hidup, pengaruh pendidikan moden, atau peralihan nilai dalam masyarakat.

Dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada bagaimana tradisi yang telah lama wujud mengalami transformasi, sama ada melalui pengurangan pelaksanaan ritual tertentu atau pengadaptasian elemen baru yang lebih sesuai dengan gaya hidup masa kini. Sebaliknya, sebahagian keluarga memilih untuk memodenkan ritual ini dengan cara yang lebih ringkas atau menggantikannya dengan simbolik yang lebih mudah difahami oleh generasi muda.

The fixed, normal rituals, of course, they do change For example the wedding ceremony of Baba Nyonya, back in the olden days was done for 30 days!

(Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Ritual kebiasaan, sememangnya berubah mengikut peredaran masa. Sebagai contoh, upacara perkahwinan Baba Nyonya pada zaman dahulu dilakukan selama 30 hari!]

Ritual-ritual upacara peralihan yang masih lagi diadakan sudah pasti menjalani proses perubahan atau evolusi sesuai dengan keadaan semasa. Sepertimana contoh yang dikemukakan oleh Baba Micheal, upacara perkahwinan masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang pada asalnya dilakukan selama 30 hari. Namun, dalam konteks masyarakat moden, jangka masa dan pelaksanaan upacara ini telah dipendekkan serta disesuaikan dengan gaya hidup masa kini. Kebanyakan pasangan kini memilih untuk mengadakan majlis perkahwinan selama satu hingga dua hari sahaja, dengan hanya mengekalkan elemen-elemen tertentu yang dianggap simbolik dan bermakna. Ini dilakukan bagi mengurangkan kos, menjimatkan masa, serta memenuhi keperluan generasi muda yang lebih cenderung kepada majlis yang ringkas tetapi tetap bermakna.

Selain itu, faktor ekonomi dan kepakaran dalam mempraktikkan upacara ini turut memainkan peranan dalam perubahan ini. Jika dahulu majlis perkahwinan Baba Nyonya berlangsung selama beberapa hari dengan pelbagai adat dan persembahan kebudayaan, kini kebanyakan pasangan memilih untuk menyingkatkan tempoh majlis dan hanya mengekalkan elemen-elemen tertentu seperti pemakaian pakaian tradisional atau sajian makanan khas sahaja. Ini menunjukkan bahawa pemodenan tidak semestinya menghapuskan tradisi, tetapi boleh membawa kepada penyesuaian budaya yang lebih fleksibel dan relevan dengan konteks semasa.

I've been Pak Andam many, many marriages. I've done over 380 weddings. I'm a specialist in Baba Nyonya weddings. So I've got a record of 380 weddings and now there are no more Pak Andam. I'm 73. I'm the last Pak Andam. When I die, there won't be any more.. (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Saya telah menjadi Pak Andam untuk banyak perkahwinan. Saya telah mengendalikan lebih daripada 380 majlis perkahwinan. Saya seorang pakar dalam perkahwinan Baba Nyonya. Saya mempunyai rekod sebanyak 380 perkahwinan, dan sekarang sudah tiada lagi Pak Andam. Saya berusia 73 tahun. Saya adalah Pak Andam terakhir. Apabila saya tiada, tradisi ini akan berakhir...]

Kekurangan orang mahir dalam upacara peralihan juga antara sebab mengapa berlakunya perubahan terhadap sesebuah ritual yang diamalkan. Bagi Baba Micheal sendiri, sebagai seorang

yang mahir dalam mengendalikan upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang, jika beliau tidak lagi boleh melaksanakan upacara tersebut maka tidak ada lagi orang mahir dalam kalangan lelaki bagi masyarakat Baba Nyonya untuk mengendalikan upacara tersebut.

Ini sejajar dengan pernyataan beliau bahawa dalam upacara perkahwinan masyarakat Baba Nyonya, campur tangan daripada orang mahir seperti Mak Andam dan Pak Andam dalam upacara perkahwinan berkemungkinan membawa kepada ketidak telitian dalam perlaksanaan upacara tersebut. Ini kerana tugas Pak Andam dan Mak Andam adalah untuk menasihati bakal pengantin akan setiap kelakuan mereka sebelum bakal pengantin tersebut bergelar suami isteri yang sah.

So the Pak Andam will advise the groom, the young boy. Mak Andam advices the bride, the young girl, the young bride. Because they are children. They need people to guide them. You do this, you do that. You don't do this, you don't do that. Because they are children, they don't know what to do. You must guide them. You guide them the correct way. So that they turn out to be good people. Not lousy people. (Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Jadi, Pak Andam akan menasihati pengantin lelaki, iaitu pemuda itu. Mak Andam pula akan menasihati pengantin perempuan, gadis muda itu. Ini kerana mereka masih muda, seperti kanak-kanak, dan memerlukan bimbingan. Mereka diajar apa yang perlu dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan. Oleh kerana mereka belum berpengalaman, mereka perlu dibimbing dengan betul. Dengan bimbingan yang tepat, mereka akan menjadi insan yang baik, bukan orang yang tidak berguna.]

4.6 Signifikasi ritual upacara peralihan

Signifikasi ritual dalam upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya merupakan elemen penting yang mencerminkan identiti budaya yang unik serta warisan sejarah yang kaya. Ritual-ritual ini bukan sahaja berfungsi sebagai lambang peralihan kehidupan seseorang individu dari satu fasa ke fasa yang lain, tetapi juga sebagai mekanisme yang mengukuhkan ikatan sosial, nilai kekeluargaan, dan kesinambungan adat resam dalam komuniti Baba Nyonya.

Setiap upacara peralihan, sama ada kelahiran, perkahwinan, atau kematian, mengandungi unsur-unsur simbolik yang melambangkan kepercayaan, harapan, dan norma masyarakat. Upacara ini bukan sekadar ritual tradisional, tetapi juga berfungsi sebagai alat penyampaian nilai budaya yang berkesan yang diwarisi secara turun-temurun.

Selain itu, ritual dalam upacara peralihan juga berfungsi sebagai wadah pendidikan budaya kepada generasi muda, di mana mereka dapat mempelajari, memahami, dan menghayati nilai-nilai tradisi yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Melalui penglibatan dalam upacara ini, generasi muda bukan sahaja memperoleh pengetahuan tentang adat istiadat dan simbolisme di sebalik setiap ritual, tetapi juga dapat mengukuhkan identiti budaya mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat Baba Nyonya.

The significance of the ritual is the continuity of a family's name and status. Because the traders, they care. They beg, they trade, they get money. To get money, of course, they must do this (trading). To build a beautiful house, to show that they are well-to-do, they can do this, they can do that.

(Baba Micheal, Temu bual, 15 Disember 2024)

[Signifikasi ritual ini adalah meneruskan nama dan status sesebuah keluarga. Para pedagang sangat mengambil berat tentang perkara ini. Mereka merayu, mereka berniaga, mereka memperoleh wang. Untuk mendapatkan wang, sudah tentu mereka perlu berdagang. Mereka membina rumah yang indah untuk menunjukkan

bahawa mereka berkemampuan dan mempunyai kedudukan yang baik dalam masyarakat.]


Bagi Baba Micheal, signifikasi ritual yang diamalkan dalam masyarakat Baba Nyonya adalah kelangsungan status dan nama keluarga. Dalam masyarakat Baba Nyonya, setiap upacara peralihan yang diadakan mencerminkan kedudukan sosial serta peranan keluarga dalam mengekalkan tradisi dan identiti mereka sebagai sebuah masyarakat.

Bagi Baba Micheal, signifikasi ritual yang diamalkan dalam masyarakat Baba Nyonya adalah kelangsungan status dan nama keluarga. Dalam masyarakat Baba Nyonya, setiap upacara peralihan yang diadakan mencerminkan kedudukan sosial serta peranan keluarga dalam mengekalkan tradisi dan identiti mereka sebagai sebuah masyarakat.

4.7 Analisis teori

Teori yang digunakan dalam mengkaji upacara peralihan (*rites of passage*) masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang ialah teori interaksi simbolik. Teori interaksi simbolik ini diperkenalkan oleh George Herbert Mead, iaitu seorang tokoh falsafah Amerika Syarikat yang terkenal dengan kajian mengenai interaksi sosial dan pembentukan makna melalui simbolik dan dipelopori oleh Herbert Blumer, seorang ahli sosiologi Amerika Syarikat.

Menurut teori interaksi simbolik, makna dalam kehidupan sosial terbentuk melalui interaksi antara individu dalam sesebuah masyarakat. Dalam konteks upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya, setiap ritual dan simbol yang digunakan dalam majlis kelahiran, perkahwinan, atau kematian mempunyai maknanya yang tersendiri yang diwarisi dan difahami oleh masyarakat tersebut.



Rajah 4.4 Peta minda teori interaksi simbolik

Upacara peralihan dalam masyarakat Baba Nyonya, seperti upacara perkahwinan dan kematian mengandungi simbol-simbol yang memberikan makna yang mendalam kepada mereka yang mengamalkannya. Sebagai contoh, penggunaan warna merah dalam upacara perkahwinan selalunya dianggap sebagai suatu warna yang membawa tuah dan kemakmuran (Zulkefli et, al, 2019). Dalam konteks ini, simbol-simbol tersebut tidak hanya berfungsi sebagai elemen estetik, malah menjadi suatu petanda terhadap status sosial dan identiti budaya masyarakat Baba Nyonya.

Upacara peralihan ini juga berfungsi sebagai platform interaksi sosial dalam kalangan anggota masyarakat Baba Nyonya. Proses interaksi semasa upacara peralihan berlaku melalui aktiviti komunikasi antara warga emas dan generasi muda, di mana nilai-nilai budaya dan warisan masyarakat disampaikan secara lisan serta melalui penghayatan ritual yang dijalankan. Sebagai contoh, dalam upacara perkahwinan Baba Nyonya, warga emas memainkan peranan penting dalam memandu dan memberi nasihat kepada pengantin baharu mengenai adat dan nilai perkahwinan tradisional. Mereka bukan sahaja menerangkan makna di sebalik setiap ritual, tetapi juga berkongsi pengalaman hidup yang dapat memperkukuh hubungan kekeluargaan dan rasa hormat antara generasi dahulu dan generasi kini.

Selain itu, interaksi sosial dalam upacara peralihan juga berlaku melalui penyertaan masyarakat dalam persiapan dan pelaksanaan upacara. Misalnya, dalam majlis perkahwinan atau kematian, ahli keluarga dan jiran tetangga sering bergotong-royong dalam menyediakan makanan, menguruskan hiasan, serta memastikan kelancaran acara. Aktiviti sebegini bukan sahaja memperkukuh semangat kekitaan dalam komuniti Baba Nyonya, tetapi juga menjadikan upacara peralihan sebagai satu pengalaman sosial yang mengeratkan hubungan dalam kalangan ahli masyarakat.

4.8 Penutup

Dapat disimpulkan melalui data yang diperoleh bahawa pengkaji telah menganalisis dan mengeluarkan maklumat secara menyeluruh. Data-data yang dikumpul merupakan maklumat yang diperoleh daripada kaedah kajian yang menggunakan kaedah campuran iaitu daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dengan menganalisis dan mengeluarkan maklumat yang berkaitan dengan tema kajian, pengkaji secara langsung telah menjawab ketiga-tiga objektif yang difokuskan terhadap kajian ini iaitu mengenal pasti ritual utama yang berlaku dalam upacara peralihan / *rite of passage* etnik Baba Nyonya, mengkaji penerimaan generasi muda terhadap ritual yang dijalankan dalam upacara peralihan / *rite of passage* kaum Baba Nyonya dan menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan/ *rite of passage* kaum Baba Nyonya.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik membentangkan satu ringkasan menyeluruh yang merangkumi keseluruhan perbincangan daripada semua bab dalam kajian ini. Ringkasan yang dikemukakan meliputi dapatan utama yang diperoleh daripada bab satu, yang membincangkan latar belakang kajian, bab dua yang merangkumi sorotan literatur, bab tiga yang menerangkan metodologi penyelidikan, serta bab empat yang membincangkan analisis data dan hasil kajian.

Selain itu, bab ini turut meneliti secara mendalam penemuan utama yang telah diperoleh sepanjang kajian serta implikasinya terhadap bidang yang dikaji. Di samping itu, penyelidik juga mengemukakan cadangan bagi kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh penyelidik lain pada masa akan datang untuk memperluas lagi pemahaman dalam bidang ini.

Akhir sekali, bab ini menggariskan kesimpulan secara menyeluruh dengan menekankan kepentingan dapatan kajian serta sumbangannya terhadap perkembangan ilmu dalam bidang berkaitan.

5.1 Rumusan bab

Kajian Upacara Peralihan (*Rites of Passage*) Masyarakat Baba Nyonya Di Pulau Pinang telah dijalankan untuk mengenalpasti upacara peralihan utama yang diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji penerimaan generasi muda masyarakat Baba Nyonya terhadap upacara peralihan yang dilakukan di Pulau Pinang. Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk menganalisis langkah-langkah yang perlu diambil dalam melestarikan ritual dalam upacara peralihan/ *rite of passage* kaum Baba Nyonya. Oleh itu, kajian ini mempunyai lima bab yang merangkumi beberapa subtopik untuk mencapai ketiga-tiga objektif yang dikemukakan oleh pengkaji.

5.1.1 Rumusan bab satu

Dalam bab satu, pengkaji membincangkan pengenalan kajian secara menyeluruh, merangkumi aspek pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, serta skop kajian. Selain itu, bab ini turut menekankan kepentingan kajian terhadap masyarakat dan individu, dengan menyoroti implikasi serta sumbangan yang dapat diberikan oleh kajian ini. Antara permasalahan utama yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kegagalan dalam melaksanakan upacara peralihan, yang seterusnya membawa kepada kemerosotan dalam struktur sosial masyarakat. Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada masyarakat Baba Nyonya yang terlibat dalam amalan upacara peralihan dan menetap di sekitar Georgetown, Pulau Pinang.

5.1.2 Rumusan bab dua

Bab dua pula memberi tumpuan kepada sorotan kajian serta aplikasi teori yang digunakan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Kajian literatur dalam bab ini menghuraikan pelbagai konsep utama yang berkaitan dengan kajian, termasuk warisan, warisan tidak ketara, adat, kepercayaan, ritual, upacara peralihan (*rites of passage*), masyarakat Baba Nyonya, serta aspek-aspek berkaitan seperti asimilasi dan adaptasi, bahasa, makanan, kraftangan, pakaian, aksesori, serta ritual dan adat masyarakat Baba Nyonya. Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan teori interaksi simbolik sebagai kerangka analisis utama. Teori ini, yang diasaskan oleh George Herbert Mead (1932), menekankan kepentingan simbol dan makna dalam interaksi sosial individu. Dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu, teori ini digunakan bagi memahami bagaimana simbol dan makna dalam upacara peralihan memainkan peranan dalam membentuk identiti dan kelangsungan budaya masyarakat Baba Nyonya.

5.1.3 Rumusan bab tiga

Bab tiga menjelaskan tentang metodologi kajian yang diaplikasikan untuk mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian yang dikaji. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah digunakan semasa kajian ini dijalankan. Pendekatan kualitatif adalah sebuah bentuk pendekatan yang menggunakan teknik temu bual dan pemerhatian. Pendekatan kuantitatif pula menggunakan kaedah peumpulan data dalam bentuk survei ataupun borang soal selidik secara rawak kepada responden. Bagi aspek pengumpulan data pula, ianya diperoleh daripada dapatan sumber primer dan sekunder. Dapatan daripada sumber primer merujuk kepada kaedah temu bual bersama informan, pemerhatian dan borang soal selidik yang diedarkan secara rawak. Dapatan daripada sumber sekunder pula merujuk kepada kaedah pengumpulan maklumat yang diperoleh daripada bahan bacaan seperti jurnal, buku, artikel, dan akbar. Pada bab ini juga pengkaji menerangkan berkaitan dengan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperlukan iaitu penggunaan kaedah analisis tematik melalui transkripsi yang dilakukan selepas sesi temu bual dijalankan. Selain itu, maklumat-maklumat yang diterima melalui borang soal selidik juga akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif.

5.1.4 Rumusan bab empat

Bab empat membincangkan tentang dapatan kajian daripada sesi temu bual bersama informan serta borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak kepada masyarakat Baba Nyonya yang menetap di sekitar Georgetown, Pulau Pinang. Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tiga objektif kajian dianalisis dan diuraikan untuk mendapatkan maklumat yang menyokong kajian “Upacara Peralihan (*Rites of Passage*) Masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang”. Data dan maklumat berkaitan kajian yang diperoleh dari sesi temu bual bersama informan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik daripada transkrip temu bual. Borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji pula diedarkan kepada 180 orang responden yang merupakan masyarakat Baba Nyonya yang menetap di George Town Pulau Pinang.

5.2 Dapatan utama

Dapatan utama yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan ritual dalam upacara peralihan yang diamalkan oleh masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang tidak lagi mengekalkan bentuk asal seperti yang diamalkan pada zaman dahulu. Perubahan ini mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk arus pemodenan, perubahan nilai budaya, serta proses asimilasi dan adaptasi dalam masyarakat. Hal ini mencerminkan peralihan dalam amalan tradisi yang berpotensi mempengaruhi identiti dan kelangsungan budaya Baba Nyonya dalam jangka masa panjang.

Selain itu, dari dapatan kajian menunjukan bahawa upacara peralihan (*rites of passage*) masih memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan mengekalkan identiti dan budaya mereka. Upacara peralihan seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian masih lagi diamalkan dalam komuniti tersebut walaupun sesetengah aspek dalam upacara tersebut telah diubah menjadi lebih ringkas. Kajian ini juga mendapati bahawa adanya simbolisme yang melambangkan peralihan fasa kehidupan seseorang individu dalam komuniti ini dan mendapati bahawa adat resam dalam upacara peralihan ini memperlihatkan pengaruh ketara daripada budaya Cina dan Melayu. Sebagai contoh dalam upacara perkahwinan masyarakat Baba Nyonya banyak dipengaruhi oleh adat resam daripada masyarakat Cina, manakala pakaian yang mereka kenakan terutama sekali bagi golongan wanita masyarakat ini dipengaruhi oleh budaya masyarakat Melayu yakni berpakaian baju kebaya pendek dengan kain batik.

5.3 Cadangan Kajian

Pemeliharaan warisan tidak ketara seperti upacara peralihan merupakan satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang bagi memastikan kesinambungan adat dan tradisi yang telah diwarisi sejak turun-temurun. Upacara peralihan ini bukan sahaja berfungsi sebagai simbolik kepada perubahan fasa kehidupan seseorang individu, tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam membentuk budaya, norma sosial, dan identiti kolektif dalam kalangan masyarakat Baba Nyonya. Melalui amalan yang diwarisi ini, hubungan kekeluargaan dapat dieratkan, manakala nilai-nilai tradisional dapat terus

disemai dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan bagi memastikan upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya dapat terus diamalkan dan tidak lenyap ditelan arus permodenan.

5.3.1 Kajian lanjut

Pengkaji berharap agar ramai lagi pengkaji tempatan yang mengkaji dan membincangkan tentang upacara peralihan sesebuah masyarakat. Hal ini kerana, bukan sahaja masyarakat Baba Nyonya di Pulau Pinang, kebanyakan upacara peralihan secara umumnya tidak lagi diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian yang lebih mendalam tentang upacara peralihan ini dapat menyedarkan masyarakat akan kepentingan menjaga sesebuah warisan tidak ketara terutama sekali dalam konteks upacara peralihan kerana, upacara seperti inilah yang membentuk identiti serta mempertahankan keunikan budaya masyarakat tempatan.

5.3.2 Usaha pemuliharaan yang sistematik

Sepanjang tempoh penyelidikan dan pengumpulan data, isu kekurangan minat generasi muda dan perubahan zaman sering timbul dalam sesi temu bual bersama informan. Ini menunjukkan bahawa upacara peralihan masyarakat Baba Nyonya memerlukan sistem pemuliharaan upacara peralihan yang lebih sistematik dalam menarik minat generasi muda.

RUJUKAN

- Abdul Fatah, M. F., & Ashaari, M. F. (2020). *Asimilasi Masyarakat Cina Dengan Orang Melayu Di Kelantan [Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan]* BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human.
- Aksan, N., Kısac, B., Aydın, M., & Demirbuken, S. (2009). Symbolic Interaction Theory. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1(1), 902–904. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2009.01.160>
- Albattat, A. (2017). The Awareness of Baba Nyonya Food Amongst Culinary Arts Students in Management and Science University. *AlmaTourism, Journal of Tourism, Culture and Territorial Development*, 8, 117–135. <https://doi.org/10.6092/issn.2036-5195/6784>
- Alabi, O., & Tosin Bukola. (2023). Introduction to Descriptive statistics. *IntechOpen EBooks*. <https://doi.org/10.5772/intechopen.1002475>
- Arnold Van Gennep. (1960). *Rites Of Passage*. University of Chicago Press.
- Ayodo, G. (2018, November). *Alternative Rites of Passage as a Means of Eradication of FGM Among the Maa Community of Laikipia County, Kenya (Doctoral dissertation, University of Nairobi)*. Uon Digital Repository.
- Blumenkarntz, D. G., & Wasserman, D. (2024). *What happens to a community intervention when a community doesn't show up? Restoring rites of passage as a consideration for contemporary community intervention*. Academia.edu. https://www.academia.edu/367840/What_happens_to_a_community_intervention_when_a_community_doesnt_show_up_Restoring_rites_of_passage_as_a_consideration_for_contemporary_community_intervention
- Blumenkrantz, D. G. (2016). *Coming of Age The RITE Way*. Oxford Universiti Press.
- Britannica. (2024). Rite of passage | Definition, Meanings, Classification, Examples, & Facts | Britannica. In *Encyclopædia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/rite-of-passage>
- Champion, E. (2016). Worldfulness, Role-enrichment & Moving Rituals: Design Ideas for CRPGs. *Transactions of the Digital Games Research Association*, 2(3). <https://doi.org/10.26503/todigra.v2i3.55>
- Chee-Beng, T. (1988). Sturcture And Change: Cultural Identity of The Baba of Melaka. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 144(2/3), 297–314. <http://www.jstor.org/stable/27863949>
- Cobern, W. W. (2015). (PDF) Beliefs. *Notes on Knowledge and Belief in the Science Classroom: 1995 NARST Discussion Panel, N/A(N/A)*. https://doi.org/10.1007/978-94-007-2150-0_353

- Coombs, H. (2022). Case Study Research Defined. *ResearchGate*.
<https://doi.org/10.5281/zenodo.7604301>
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). *Definisi Aqiqah*. Dbp.gov.my.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=akikah&d=175768&>
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). *Definisi Porselin*. Dbp.gov.my.
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=porselin>
- D Washington, & Ivey, B. (2004). *Council on Library and Information Resources Access in the Future Tense*. <https://www.clir.org/wp-content/uploads/sites/6/2004/04/pub126.pdf#page=42>
- Émile Durkheim. (1968). *The Elementary forms of the religious life : Transl. from the French by Joseph Ward Swain*. Free Press. (Original work published 1915)
- Finjan, H. T. (2024). Customs and Traditions in the Mamluk State. *International Journal of Religion*, 5(10), 276–283. <https://doi.org/10.61707/rhbcv359>
- Frey, R. (2000). *Rites of Passage*. Uidaho.edu.
<https://www.webpages.uidaho.edu/~rfrey/rites.html>
- Giovagnoli, R. (2018). From Habits to Rituals: Rituals as Social Habits. *Open Information Science*, 2(1), 181–188. <https://doi.org/10.1515/opis-2018-0014>
- Grimes, R. L. (2007). *Deeply into the bone : re-inventing rites of passage*. University Of California Press.
- Hasty, J. (2002). Rites of Passage, Routes of Redemption: Emancipation Tourism and the Wealth of Culture. *Africa Today*, 49(3), 47–76. <https://doi.org/10.1353/at.2003.0026>
- Haq, A. (2020, December 6). *Types of Religion | PDF | Monotheism | Divinity*. Scribd.
<https://www.scribd.com/document/487148497/types-of-religion-rtf>
- History.com Editors. (2017, October 12). *Buddhism*. History; A&E Television Networks.
<https://www.history.com/topics/religion/buddhism>
- Holm, J., & Bowker, J. (1994). *Rites of passage*. Pinter Publishers ; [New York.]
- Jabatan Warisan Negara, & Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya Malaysia. (2020). *Jurnal Warisan Tidak Ketara*. Laman Sesawang Jabatan Warisan Negara.
<https://www.heritage.gov.my/en/koleksi-penerbitan.html>
- Kadir, F., & Hayat, W. (2022). Comparative of Cultural Material Study between Baba Nyonya Original Descendants and Baba Nyonya New Descendants in Malacca. *EDUCATUM -Journal of Social Science (EJOSS)*, 8. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol8.sp.5.2022>

- Kawangit, R. M. (2015). Assimilation of Baba and Nyonya in Malaysia. *International Journal of Social Science Studies*, 3(2). <https://doi.org/10.11114/ijsss.v3i2.651>
- Kilik, G. (2014, June 19). *Etnik Baba Dan Nyonya*. Scribd. <https://www.scribd.com/doc/230439438/Etnik-Baba-Dan-Nyonya>
- Lin, H.-Y. (2017). Dealing with Childbirth in Medieval Chinese Buddhism: Discourses and Practices. *Dealing with Childbirth in Medieval Chinese Buddhism: Discourses and Practices*. <https://doi.org/10.7916/d8bk1qrx>
- Luebe, D., & Hussin, H. (2019). BETWEEN CULTURAL AND COMMERCIAL OF NYONYA FOOD IN MELAKA. *Samudera - Journal of Maritime and Coastal Studies*, 1(1), 49–59. <https://doi.org/10.22452/samudera.vol1no1.4>
- Ma'alip, S., & Omar, R. (2018). *Penguasaan Bahasa Baba Nyonya Dalam Kalangan Masyarakat Baba Nyonya Di Melaka*. Jurnal Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28676/8531>
- Mead, G. H. (1934). *Mind, self, and Society*. The University of Chicago Press.
- Mehmet, A. (2023). THE ROLE OF RITUALS AND CEREMONIES IN THE IDENTITY STRUGGLE OF A SOCIETY THAT HAS LOST ITS LANGUAGE: THE EXAMPLE OF LITHUANIAN TATARS. *The Role of Rituals and Ceremonies in the Identity Struggle of a Society That Has Lost Its Language: The Example of Lithuanian Tatars* *Ritualų Ir Ceremonijų Vaidmuo Gimtajų Kalbų Praradusios Visuomenės Kovoje Už Tapatybę: Lietuvos Totorių Pavyzdys*. <https://doi.org/10.15388/Totoriai-Lietuvos-istorijoje.2023.8>
- Mohd Fikri, N. H., Abdul Rahman, A. E., & Noh, I. (2021). Exploring culinary heritage practices among the younger Chetti generations in Melaka. *Journal of Ethnic Foods*, 8(1). <https://doi.org/10.1186/s42779-021-00101-8>
- Mohd, Y., & Hanapi Dollah, Y. (2011). AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTASLALU NATIONAL HERITAGE ACT, 2005: A REVIEW. 8, 173–188. <https://journalarticle.ukm.my/3481/1/bil%25208%2520-%2520topik%25209.pdf>
- National Geographic Society. (2023, November 2). *Buddhism*. Education.nationalgeographic.org; National Geographic. <https://education.nationalgeographic.org/resource/buddhism/>
- NOR, AHMAD NIZAM OTHMAN, NUR SAFINAS ALBAKRY, & DZULSYAFIQ, M. (2024). KASUT MANIK PERANAKAN BABA DAN NYONYA: SATU KOLEKSI USAHA PEMELIHARAAN. *Deleted Journal*, 12(1), 130–142. <https://doi.org/10.47252/teniat.v12i1.1300>
- Oh, Y., Razak, N. F. A. H. A., Wee, D. H. T., Ching, E. L., & Rahman, Z. (2019). The development of Nyonya cuisine in the Malay Archipelago: Penang and Malacca Nyonya cuisine. *Journal of Ethnic*



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

- Ong U-Lin, K. (1999). *KEBUDAYAAN HIBRID DALAM ALAM BINA MALAYSIA: KAJIAN KES MASYARAKAT BABA NYONYA MELAKA*. http://eprints.usm.my/30593/1/KELVIN_ONG_U-LIN.pdf
- Penner, H. (2016, December 7). *Ritual*. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/topic/ritual>
- Schwitzgebel, E. (2019, June 3). *Belief* (E. N. Zalta, Ed.). Stanford Encyclopedia of Philosophy; Metaphysics Research Lab, Stanford University. <https://plato.stanford.edu/entries/belief/>
- Shuttleworth M (2008) Definition of Research. Experiment Resource.
- Sigit Fitro Prasetyo. (2023). Harmony of Nature and Culture: Symbolism and Environmental Education in Ritual. *Journal of Contemporary Rituals and Traditions*, 1(2), 67–76. <https://doi.org/10.15575/jcrt.361>
- Su, L., & Abstrak, K. (2008). 161 *The Peranakan Baba Nyonya Culture: Resurgence or Disappearance?* Sari. 26, 161–170. https://journalarticle.ukm.my/1125/1/The_Peranakan_Baba_Nyonya_Culture.pdf
- Steeves, K. (2023). Symbolic Interactionism. *Symbolic Interactionism*, 457–462. https://doi.org/10.1007/978-3-031-04394-9_71
- Tobin, Dr. B., de la Cruz, R., & WIPO. (2023). *Customary Law and Traditional Knowledge* * Background Brief No. 7.
- UNESCO. (2018). *Social practices, Rituals and Festive Events*. Unesco.org. <https://ich.unesco.org/en/social-practices-rituals-and-00055>
- UNESCO. (2022, November). *Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage 2003*. UNESCO Intangible Cultural Heritage. <https://ich.unesco.org/en/convention#art2>
- University of Idaho. (2000, February 24). *Rites of Passage*. Uidaho.edu. <https://www.webpages.uidaho.edu/~rfrey/rites.html>
- Yahya, L. H. (2022). Publication: DIY Accessories Making With Nyonya Batik Style. *DIY Accessories Making with Nyonya Batik Style*. <https://doi.org/10.1109/etsaide53569.2022.9906361>
- Yu, T. W., Zainuddin, M., Chuah, P. J., Kek, K. W., & Leong, P. (2016). *Culture and Social Changes of the Baba Nyonya Community in Malacca, Malaysia*. SlideShare; Slideshare. <https://www.slideshare.net/slideshow/society-19796105/19796105>
- Yuszaidy, M., & Yusoff, M. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia Conservation Of Cultural Heritage Through Heritage Legislation And Enforcement In Malaysia. *Jurnal Melayu Bil*, 17(2). <https://journalarticle.ukm.my/13129/1/28661-87547-1-SM.pdf>

- Zie, B. (2015, July 25). *Warisan klasik Baba, Nyonya*. Berita Harian; Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/70102/warisan-klasik-baba-nyonya>
- Zulkefli, K., Che Pi, N. H., Ahmad, M. N., & Hashim, H. (2019). *Menelusuri Keunikan Baba Nyonya Melaka*. <https://jslim.uitm.edu.my/pdf/311.pdf>



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN